




# SIRAH 25 RASUL (BAHAGIAN 1)

## OBJEKTIF KURSUS KESELURUHAN:

- a) **Pengukuhan Akidah & Tauhid:** Menanamkan kepercayaan yang tidak berbelah bahagi kepada keesaan Allah melalui bukti perjuangan para Rasul dalam menghapuskan syirik.
- b) **Pembinaan Sahsiah & Akhlak:** Menjadikan sifat-sifat mulia para nabi seperti benar (*Siddiq*), amanah, menyampaikan (*Tabligh*), dan bijaksana (*Fatanah*) sebagai standard peribadi peserta.
- c) **Daya Tahan Mental & Emosi:** Mengambil inspirasi daripada ketabahan para nabi menghadapi pelbagai bentuk ujian (penyakit, kehilangan keluarga, fitnah dan kemiskinan) sebagai ubat penguat semangat.
- d) **Pengurusan Konflik & Hubungan Kekeluargaan:** Mengambil pengajaran daripada dinamika keluarga para nabi untuk membina hubungan kekeluargaan yang lebih harmoni dan sabar.
- e) **Kesedaran Sosial & Dakwah:** Memupuk rasa tanggungjawab untuk mengajak kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran dengan cara yang berhikmah, sabar dan tidak berputus asa.

## SESI PERTAMA

# FAJAR KENABIAN DAN TRANSFORMASI TAMADUN AWAL

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan dapat menguasai kronologi penciptaan dan fasa penyesalan Nabi Adam a.s. sebagai asas pengabdian, memahami sumbangan Nabi Idris a.s. dalam mempelopori ilmu dan disiplin ketaatan di tengah-tengah pembangunan tamadun serta menghayati naratif perjuangan dakwah Nabi Nuh a.s. dan peristiwa banjir besar sebagai simbol keselamatan bagi mereka yang khusyuk.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Kisah Nabi Adam AS
- Kisah Nabi Idris AS
- Kisah Nabi Nuh AS

## SESI PERTAMA: FAJAR KENABIAN DAN PEMBINAAN UMAT AWAL

### PENDAHULUAN

Bagi memulakan sesi pertama kita dalam menerokai sirah 25 Rasul, marilah kita sama-sama merenung kembali tujuan asal kita diciptakan dan bagaimana sejarah para Rasul menjadi cermin kepada iman kita. Setiap Rasul yang diutus membawa satu misi yang sama, iaitu menegakkan pengabdian kepada Allah melalui ketaatan yang paling utama.

Sebagai refleksi awal, mari kita hayati satu pesanan agung daripada Rasulullah SAW kepada Muadz bin Jabal r.a.:

رَأْسُ الْأَمْرِ الْإِسْلَامُ وَعَمُودُهُ الصَّلَاةُ

*“Tunjang segala urusan adalah Islam dan tiangnya adalah solat.”*

(Riwayat al-Tirmizi)

Hadis ini mengingatkan kita bahawa dalam kepimpinan para Rasul, perkara pertama yang mereka bina dalam umatnya adalah “tiang” ini. Tanpa tiang yang kukuh, runtuhlah seluruh urusan kehidupan seorang hamba. Kepimpinan para Rasul bukan hanya memimpin urusan dunia tetapi tentang menjaga hubungan rohani antara makhluk dengan Penciptanya.

Apabila kita berbicara tentang amanah kepimpinan para Rasul, kita sebenarnya sedang berbicara tentang satu tanggungjawab yang amat berat. Allah SWT berfirman dalam surah al-Ahzab (33) ayat 72 bahawa amanah ini pernah ditawarkan kepada langit, bumi dan gunung-ganang, namun semuanya berasa gentar dan enggan memikulnya.

Walau bagaimanapun, manusia dengan kesediaan yang ada padanya sanggup memikul tanggungjawab ini. Para Rasul adalah contoh terbaik manusia yang telah menyempurnakan amanah tersebut dengan penuh ketakwaan. Oleh itu, dalam sesi ini, kita akan mulakan perjalanan dengan melihat bagaimana Nabi Adam a.s., Nabi Idris a.s. dan Nabi Nuh a.s. menjalankan amanah ini dalam kehidupan mereka.

## KISAH NABI ADAM AS: ASAL-USUL & AMANAH KHILAFAH

Kisah Nabi Adam a.s. bermula dengan pengisytiharan Allah SWT kepada para malaikat mengenai kehendak-Nya menciptakan seorang khalifah di muka bumi. Fokus utama dalam fasa penciptaan ini bukanlah sekadar kewujudan fizikal tetapi kelebihan intelek yang dianugerahkan melalui ilmu.

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً

Maksudnya: *Dan ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat, “Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi...”*

(Surah al-Baqarah 2: 30)

Walaupun pada awalnya para malaikat bimbang dengan penciptaan Adam, Allah SWT menegaskan hikmahnya lalu mengajarkan Adam a.s. “nama-nama seluruh perkara”. Menurut Imam Ibn Kathir, Allah SWT mengajarkan kepada Nabi Adam nama dan penguasaan ilmu ini merangkumi pengetahuan tentang zat dan sifat segala makhluk. Hal ini membuktikan bahawa asas kepimpinan Adam a.s. adalah berteraskan ilmu pengetahuan yang tidak dimiliki oleh malaikat.

Kematangan intelektual ini kemudiannya diuji melalui perintah sujud penghormatan, yang mencetuskan konflik pertama dalam sejarah makhluk: Perbezaan antara ketaatan mutlak malaikat dan keangkuhan iblis yang berasaskan rasisme awal. Firman Allah SWT:

قَالَ مَا مَنَعَكَ أَلَّا تَسْجُدَ إِذْ أَمَرْتُكَ ۚ قَالَ أَنَا خَيْرٌ مِّنْهُ خَلَقْتَنِي مِن نَّارٍ وَخَلَقْتَهُ مِن طِينٍ

Maksudnya: *“Apakah penghalangnya yang menghalangmu daripada sujud ketika Aku memerintahmu?” Iblis menjawab: “Aku lebih baik daripada Adam, Engkau (wahai Tuhan) jadikan daku daripada api sedang dia Engkau jadikan daripada tanah.”*

(Surah al-A'raf 7: 12)

Nabi Adam a.s. dan Hawa ditempatkan di dalam syurga dengan kebebasan yang luas, namun disertakan dengan satu batas larangan spesifik, iaitu jangan mendekati sebatang pohon. Ujian ini merupakan ujian terhadap kepatuhan hamba kepada syariat Allah SWT.

Nikmat di syurga itu berakhir apabila Nabi Adam didapati melanggar larangan Allah SWT akibat tipu daya iblis. Pelanggaran terhadap batas ini mengakibatkan penyingkiran daripada nikmat syurga. Namun, ia juga merupakan fasa pembelajaran bagi manusia tentang erti penyesalan dan taubat. Berbeza dengan iblis yang menyalahkan takdir, Nabi Adam a.s. segera mengakui kelemahan diri melalui kalimah taubat yang agung:

قَالَا رَبَّنَا ظَلَمْنَا أَنْفُسَنَا وَإِنْ لَّمْ تَغْفِرْ لَنَا وَتَرْحَمْنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ

Maksudnya: Mereka berdua merayu: “Wahai Tuhan kami, kami telah menganiaya diri kami sendiri dan kalau Engkau tidak mengampunkan kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya menjadilah kami daripada orang-orang yang rugi.”

(Surah al-A'raf 7: 73)

Penurunan Nabi Adam a.s. ke bumi adalah transisi bagi melaksanakan tugas asal sebagai khalifah dan pemegang amanah yang berat. Amanah ini merujuk kepada tanggungjawab *taklif* yang pernah ditawarkan kepada langit, bumi dan gunung-ganang, namun kesemuanya enggan memikulnya kerana bimbang tidak dapat menyempurnakannya sebagaimana yang Allah SWT abadikan dalam surah al-Ahzab (33) ayat 72.

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Maksudnya: “Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), namun mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya); dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.”

Sebelum fasa penurunan ke bumi, Allah SWT memberikan amaran keras tentang realiti permusuhan dengan iblis bagi memastikan Adam sentiasa berwaspada. Hal ini dirakamkan dalam surah Taha (20) ayat 117:

فَقُلْنَا يٰٓآدَمُ إِنَّ هَٰذَا عَدُوُّكَ وَلِزَوْجِكَ فَلَا يُخْرِجَنَّكَ مِنَ الْجَنَّةِ فَتَشْقَىٰ

Maksudnya: “Maka, Kami berfirman, ‘Wahai Adam, sesungguhnya iblis ini musuh bagimu dan bagi isterimu; oleh itu, janganlah ia menyebabkan kamu berdua keluar dari syurga kerana dengan yang demikian engkau (dan isterimu) akan menderita.”

Ayat ini menetapkan sosiologi wahyu yang pertama bahawa kehidupan di luar syurga menuntut perjuangan fizikal dan rohani yang berterusan. Amaran ini menjelaskan bahawa sebarang pengabaian terhadap petunjuk wahyu akan membawa kepada penderitaan dan kesempitan hidup.

Bermulalah kehidupan Nabi Adam di dunia memikul segala amanah yang diberi, iaitu taklifan syarak untuk mentaati segala perintah dan larangan Allah. Jika dilaksanakan diberi pahala dan jika ditinggalkan akan dihukum. Maka, manusia menerimanya walaupun dalam keadaan lemah, jahil dan zalim kecuali orang yang Allah beri taufik. Demikian disebutkan oleh Imam Ibn Kathir.

Sejarah Nabi Adam a.s. tidak hanya dilihat sebagai urutan peristiwa biasa tetapi ia terikat secara teologi dengan kesucian hari Jumaat sebagai penghulu segala hari. Kepentingan garis masa ini ditegaskan melalui hadis sahih, Rasulullah SAW bersabda,

*“Sebaik-baik hari yang terbit matahari padanya adalah hari Jumaat. Pada hari itu Adam diciptakan, pada hari itu dia dimasukkan ke dalam syurga dan pada hari itu juga dia dikeluarkan dari syurga (diturunkan ke bumi). Dan tidak akan berlaku kiamat melainkan pada hari Jumaat.”*

(Riwayat Muslim)

## **Penutup**

Kisah Nabi Adam a.s. mengajar kita bahawa ilmu adalah kemuliaan. Allah mengangkat darjat baginda di depan para malaikat kerana ilmu, bukan sekadar rupa atau asal-usul. Seterusnya, kita diingatkan tentang bahaya sifat sombong. Iblis dihalau dari syurga kerana menganggap dirinya lebih hebat berdasarkan asal-usul kejadian. Ini adalah bentuk rasisme terawal dalam sejarah.

Pengajaran yang paling menyentuh hati ialah makna taubat. Sebagai manusia, kita memang tidak lari daripada melakukan kesilapan. Namun, apa yang membezakan kita dengan iblis adalah keberanian untuk mengaku salah. Apabila Nabi Adam tersilap, baginda tidak menyalahkan takdir tetapi terus merendah diri dan memohon ampun. Inilah kunci seorang hamba Allah, berani mengaku silap dan segera memperbaiki diri.

## KISAH NABI IDRIS A.S.: INTEGRITI ILMU DAN DINAMIKA KETAATAN

Nabi Idris a.s. merupakan figura yang dikurniakan kedudukan mulia dalam al-Quran. Nama baginda juga dikenali dalam tradisi sejarah sebagai Khanukh atau Akhnukh. Kedudukan baginda ditegaskan melalui firman Allah SWT dalam surah Maryam (19) ayat 56:

وَأَذْكُرْ فِي الْكِتَابِ إِدْرِيسَ ۚ إِنَّهُ كَانَ صِدِّيقًا نَبِيًّا

Maksudnya: *Dan bacakanlah (wahai Muhammad) di dalam Kitab (al-Quran) ini perihal Nabi Idris; sesungguhnya adalah ia amat benar (tutur katanya dan imannya) serta ia seorang Nabi.*

Sifat “siddiq” dalam ayat ini menunjukkan integriti baginda dalam membenarkan dan melaksanakan wahyu Allah. Sebagai sokongan kepada tugas kenabiannya, Allah SWT telah menurunkan kepada baginda sebanyak 30 keping suhuf (lembaran wahyu) sebagai panduan buat umat pada zamannya seperti yang disebutkan oleh Imam al-Tabari.

Berdasarkan catatan Tarikh al-Tabari, Nabi Idris a.s. merupakan pelopor kepada beberapa pencapaian penting dalam sejarah ketamadunan dan ketatanegaraan awal manusia:

- **Literasi Awal:** Baginda merupakan orang pertama yang menulis dengan pena selepas Nabi Adam a.s.. Hal ini menandakan bermulanya era pendokumentasian ilmu dan wahyu secara bertulis.
- **Kepimpinan Jihad:** Baginda merupakan nabi yang berjihad di jalan Allah. Baginda direkodkan sebagai nabi pertama yang memerangi dan menawan keturunan Qabil yang melakukan penderhakaan serta menjadikan mereka sebagai hamba. Ini menunjukkan fasa awal penegasan undang-undang dan keadilan terhadap golongan yang melanggar syariat.



Antara keistimewaan Nabi Idris a.s. yang dirakamkan oleh para mufassir, termasuk dalam Tafsir Ibn Kathir adalah keseimbangan antara kerjaya duniawi dengan ketaatan ukhrawi:

- **Tukang Jahit Pertama:** Baginda merupakan manusia pertama yang mempunyai kemahiran memotong kain dan menjahitnya. Sebelum ini, manusia tidak mengenali disiplin pembuatan pakaian yang tertib.
- **Integrasi Ibadah dalam Pekerjaan:** Meskipun sibuk menjahit, setiap kali baginda menusuk jarum, baginda akan mengucapkan “Subhanallah”.
- **Kesan Rohani:** Ketekunan zikir dalam setiap gerak kerja ini memberikan impak yang besar pada timbangan amal baginda. Dinyatakan bahawa pada setiap petang, tidak ada seorang pun di muka bumi pada zamannya yang amalannya lebih afdal daripada Nabi Idris a.s. Ini membuktikan bahawa kualiti amal dicapai melalui zikir yang konsisten di tengah-tengah kesibukan urusan harian.

Kemuliaan Nabi Idris a.s. bukan sekadar di bumi, malah diakui di alam malakut. Hal ini bersabit di dalam kitab Sahih yang merakamkan peristiwa Israk Mikraj. Rasulullah SAW telah bertemu dengan Nabi Idris a.s. yang ditempatkan oleh Allah SWT di langit keempat. Kedudukan ini menjadi bukti fizikal bagi isyarat “tempat yang tinggi” (*Makanun 'Aliyya*) yang dianugerahkan kepada baginda.

## Penutup

Kisah Nabi Idris a.s. adalah rahsia untuk kita mencapai kejayaan yang seimbang di dunia dan akhirat. Baginda membuktikan bahawa menjadi seorang hamba Allah yang soleh tidak bermaksud kita perlu meninggalkan urusan dunia. Sebaliknya, baginda menunjukkan bahawa kerajinan dalam bekerja adalah satu kemuliaan. Ia mendidik kita menjadi umat yang rajin berusaha kerana setiap titik peluh dalam bekerja adalah sebahagian daripada ibadah jika niatnya kerana Allah.

Selain bekerja, baginda adalah contoh seorang yang pakar dalam ilmu. Baginda tidak hanya bekerja tetapi baginda menggunakan akal untuk berinovasi sehingga menjadi orang pertama yang mahir menulis dan menjahit pakaian dengan tertib. Kita perlu berusaha menjadi pakar dalam bidang masing-masing. Dengan ilmu yang tinggi, kita bukan sahaja dapat meningkatkan kualiti hidup sendiri, malah kita dapat memberi manfaat yang lebih besar kepada masyarakat dan agama.

Kekuatan sebenar Nabi Idris a.s. terletak pada hatinya yang sentiasa ingat kepada Allah. Walaupun tangan sibuk menjahit dan akal ligat berfikir, lidah baginda tidak pernah lekang daripada berzikir. Inilah yang paling kita perlukan dalam dunia yang serba sibuk hari ini. Janganlah kesibukan mengejar tugas, kerjaya atau harta menyebabkan kita lupa kepada Pencipta apatah lagi meninggalkan kewajipan kita sebagai seorang hamba.

## SIRAH NABI NUH A.S. – KETABAHAN DAKWAH DAN RISALAH PENYELAMATAN

Dakwah para rasul memasuki fasa baharu melalui pengutusan Nabi Nuh a.s.. Beliau merupakan Rasul pertama yang diutuskan oleh Allah SWT kepada penduduk bumi. Berdasarkan catatan Imam Ibn Kathir dalam *Al-Bidayah wa An-Nihayah*, Nabi Nuh diutuskan pada saat manusia mula tenggelam dalam kesesatan dan mula menyembah thaghut serta berhala.

Punca utama berlakunya penyembahan berhala ini dijelaskan oleh Ibnu Abbas r.a. dalam riwayat Imam al-Bukhari. Beliau menyatakan bahawa nama-nama seperti Wadd, Suwa', Yaghuth, Ya'uq dan Nasr asalnya adalah nama lelaki-lelaki soleh. Apabila mereka meninggal dunia, syaitan membisikkan kepada kaum tersebut untuk membina tugu peringatan di tempat-tempat mereka selalu duduk bagi mengenang kesolehan mereka.

Pada awalnya, tugu tersebut tidak disembah. Namun, apabila generasi berganti dan ilmu agama mula hilang, syaitan mengambil kesempatan sehingga akhirnya patung-patung tersebut mula dijadikan sembah (Surah Nuh 71: 23). Keadaan inilah yang menuntut pengutusan Nabi Nuh a.s. untuk membawa kembali cahaya tauhid.

Ketabahan Nabi Nuh a.s. dalam menjalankan misi dakwah dirakamkan dengan sangat luar biasa dalam al-Quran. Berdasarkan surah al-'Ankabut (29) ayat 14, baginda menetap dan berdakwah dalam kalangan kaumnya selama 950 tahun.

وَلَقَدْ أَرْسَلْنَا نُوحًا إِلَىٰ قَوْمِهِۦ فَلَبِثَ فِيهِمْ أَلْفَ سَنَةٍ إِلَّا خَمْسِينَ عَامًا فَأَخَذَهُمُ الطُّوفَانُ وَهُمْ ظَالِمُونَ

Maksudnya: *Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Nabi Nuh kepada kaumnya, maka tinggallah ia dalam kalangan mereka selama sembilan ratus lima puluh tahun; akhirnya mereka dibinasakan oleh taufan sedang mereka berkeadaan zalim (dengan kufur derhaka).*

Dalam tempoh yang hampir satu milenium itu, Nabi Nuh tidak pernah berputus asa. Beliau menggunakan pelbagai kaedah dakwah yang dinamik; bermula daripada dakwah secara rahsia sehingga terang-terangan serta dilaksanakan tanpa henti pada waktu malam mahupun siang.

Setelah melalui tempoh dakwah yang panjang, Allah SWT memberikan wahyu sebagai pengubat hati kepada Nabi Nuh melalui surah Hud (11) ayat 36, yang menegaskan bahawa tidak akan ada lagi yang akan beriman daripada kaumnya melainkan mereka yang telah sedia beriman. Apabila pintu hidayah buat kaumnya telah tertutup, Nabi Nuh memohon kemenangan kepada Allah. Allah SWT kemudian memerintahkan baginda membina sebuah bahtera yang diperbuat daripada kepingan papan kayu dan paku.

Peristiwa taufan yang berlaku selepas itu adalah satu kejadian yang tidak pernah dialami oleh bumi sebelumnya. Allah membuka pintu-pintu langit dengan hujan yang mencurah-curah bagaikan keluar dari mulut bekas air, manakala bumi pula diperintahkan untuk memancutkan mata air dari segala penjuru. Allah SWT berfirman;

فَدَعَا رَبَّهُ أَنِّي مَغْلُوبٌ فَانْتَصِرْ فَفَتْحْنَا أَبْوَابَ السَّمَاءِ بِمَاءٍ مُنْهَمِرٍ وَفَجَّرْنَا الْأَرْضَ عُيُونًا فَالْتَقَى الْمَاءُ عَلَى أَمْرٍ  
قَدْ قُدِّرَ وَحَمَلْنَاهُ عَلَى ذَاتِ الْأَوَاحِ وَدُسِّرَ

Maksudnya: *"Maka, ia memohon kepada Tuhannya dengan berkata, 'Sesungguhnya aku ini dikalahkan (oleh kaumku), maka menangkanlah daku!' Maka, Kami bukakan pintu-pintu langit dengan air yang mencurah-curah. Dan Kami pancutkan mata-mata air dari bumi, lalu bertemulah air (langit dan bumi) itu untuk melakukan satu perkara yang telah ditetapkan. Dan Kami bawa Nuh di atas (bahtera) yang dibina daripada kepingan-kepingan papan dan paku."*

(Surah al-Qamar 54: 10-13)

Pertemuan air langit dan air bumi ini mewujudkan ombak besar setinggi gunung-ganang yang akhirnya menenggelamkan golongan yang zalim termasuklah anak baginda sendiri yang ingkar. Manakala Nabi Nuh dan para pengikutnya terselamat di dalam bahtera dengan pemeliharaan Allah. Allah SWT berfirman dalam surah Hud (11) ayat 42:

وَهِيَ تَجْرِي بِهِمْ فِي مَوْجٍ كَالْجِبَالِ وَنَادَىٰ نُوحٌ ابْنَهُ وَكَانَ فِي مَعْزِلٍ يَبْنَىٰ أَرْكَبَ مَعَنَا وَلَا تَكُن مَعَ الْكَافِرِينَ

Maksudnya: *(Mereka semua naik) dan bahtera itu pun bergerak laju membawa mereka dalam ombak yang seperti gunung-ganang, dan (sebelum itu) Nabi Nuh memanggil anaknya yang sedang berada di tempat yang terpisah daripadanya: “Wahai anakku, naiklah bersama-sama kami dan janganlah engkau tinggal dengan orang-orang yang kafir.”*

Apabila penduduk bumi yang kafir telah binasa, Allah SWT memerintahkan bumi untuk menelan airnya dan langit untuk berhenti menghujani. Surutnya air taufan tersebut menandakan selesainya ketetapan Allah terhadap kaum yang zalim. Di saat genting tersebut, Allah SWT memberikan pengajaran tentang adab melalui surah al-Mu’minun (23) ayat 28 hingga 29. Nabi Nuh diperintahkan untuk memuji Allah sebaik sahaja selamat berada di atas bahtera dan berdoa memohon keberkatan tempat turun yang baharu.

Doa tersebut berbunyi:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي نَجَّانَا مِنَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ وَقُلْ رَبِّ انْزِلْنِي مُنْزَلًا مُّبَارَكًا وَأَنْتَ خَيْرُ الْمُنْزِلِينَ

Maksudnya: *“Segala puji bagi Allah yang telah menyelamatkan kami daripada kaum yang zalim. Dan berdoalah, ‘Wahai Tuhanku, turunkanlah daku di tempat turun yang berkat dan Engkaulah sebaik-baik yang menurunkan.’”*

Ini adalah satu pengajaran besar bagi kita semua agar sentiasa memulakan dan mengakhiri setiap perkara dengan zikir serta doa. Ia menunjukkan bahawa segala kejayaan dalam menghadapi ujian hidup, sehebat mana pun taufan yang menimpa, akhirnya kembali kepada rahmat dan perlindungan Allah SWT semata-mata.

## **Penutup**

Kesimpulannya, sirah Nabi Nuh a.s. menegaskan bahawa tunjang dakwah adalah kesabaran yang panjang dan pergantungan mutlak kepada Allah SWT. Sejarah penyembahan berhala mengingatkan kita supaya sentiasa bersederhana dalam menghormati orang soleh agar tidak tergelincir ke arah kesyirikan apabila ilmu agama mula hilang.

Akhir sekali, tindakan Nabi Nuh mengakhiri fasa taufan dengan doa dan pujian kepada Allah mengajar kita bahawa setiap urusan mesti ditutup dengan zikir dan syukur. Ini membuktikan bahawa kejayaan sebenar seorang hamba bukan diukur pada ramainya pengikut tetapi pada keteguhan memegang amanah tauhid sehingga ke akhir hayat.

## KESIMPULAN

Silsilah kenabian awal ini menegaskan peranan manusia sebagai pemegang amanah khilafah yang berteraskan ilmu dan ketaatan mutlak kepada Allah SWT. Bermula dengan Nabi Adam a.s. yang memulakan mandat kepimpinan di bumi, kita melihat bagaimana ilmu menjadi syarat utama dalam menguruskan alam dan memikul tanggungjawab *taklif* yang berat.

Kesinambungan ini diperkukuhkan oleh Nabi Idris a.s. yang membuktikan keutamaan ilmu membawa kepada kemahiran profesional. Kecemerlangan profesional dalam urusan duniawi seperti penulisan dan kemahiran teknikal, bukanlah penghalang rohani, sebaliknya menjadi wasilah untuk mencapai martabat yang tinggi apabila setiap gerak kerja diselaraskan dengan zikir yang konsisten kepada Pencipta.

Transisi sejarah ini kemudiannya membawa kepada keteguhan tauhid yang ditunjukkan oleh Nabi Nuh a.s. dalam menghadapi arus kesesatan yang bermula daripada pemujaan melampau terhadap manusia. Tempoh dakwah selama 950 tahun memberikan gambaran jelas bahawa kejayaan sebenar seorang hamba diukur melalui kesabaran yang panjang dan keteguhan memegang perintah Allah SWT sekalipun di tengah-tengah badai ujian yang mencabar.

## SESI KEDUA

# MELAWAN KEANGKUHAN TAMADUN & PEMBINAAN TAUHID

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan dapat mengenal pasti ujian-ujian besar yang dihadapi oleh para Rasul dalam berhadapan dengan kaum yang sombong, memahami kepentingan memurnikan tauhid sebagai asas sahnya ibadah serta mengambil ibrah daripada ketabahan Nabi Ibrahim a.s. dalam memikul amanah yang berat demi memastikan ketaatan zuriat keturunannya di masa hadapan.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Kisah Nabi Hud a.s.
- Kisah Nabi Saleh a.s.
- Kisah Nabi Ibrahim a.s.



## **SESI KEDUA: MELAWAN KEANGKUHAN TAMADUN & PEMBINAAN TAUHID**

### **PENDAHULUAN**

Modul ini meneliti naratif sejarah tiga tokoh besar: Nabi Hud, Nabi Soleh dan Nabi Ibrahim. Fokus utama kita adalah untuk menganalisis perkaitan antara kemajuan peradaban dengan keruntuhan moral yang berpunca daripada sifat keangkuhan serta kelalaian manusia terhadap hakikat ketuhanan.

Nabi Hud berhadapan dengan kaum 'Ad, sebuah entiti politik dan ekonomi yang dominan pada zamannya. Kita akan mengkaji kegagalan mereka dalam mengimbangi kemajuan infrastruktur dengan pengiktirafan terhadap punca kekuatan sebenar. Keangkuhan material yang ekstrem membawa kepada penafian hakikat penciptaan, yang akhirnya mengakibatkan kemusnahan sistemik tamadun tersebut.

Seterusnya, kisah Nabi Soleh dan kaum Thamud memberikan perspektif tentang pengkhianatan terhadap amanah sosial dan ujian sumber alam. Simbolik mukjizat unta betina merupakan instrumen ujian terhadap pengurusan sumber dan ketaatan kepada peraturan kolektif. Kelalaian mereka dalam menjaga batas undang-undang ini mencerminkan bagaimana kestabilan masyarakat boleh runtuh apabila kepentingan individu mengatasi keadilan umum.

Bahagian terakhir membincangkan Nabi Ibrahim sebagai tokoh pembaharuan pemikiran. Baginda memperkenalkan metodologi kritikal dalam mencari kebenaran dan menentang hegemoni kekuasaan yang mutlak. Perjuangan baginda adalah manifestasi penyerahan diri secara total yang menghapuskan segala bentuk pemujaan terhadap ego manusia, kuasa politik, mahupun logik akal yang tersasar.

## SIRAH NABI HUD A.S. – ANTARA KEMAJUAN HIDUP DAN PERINGATAN TUHAN

Sejarah dan dakwah Nabi Hud merupakan satu kajian penting dalam memahami dinamika tamadun dan respons manusia terhadap peringatan tuhan. Nabi Hud ialah keturunan Nabi Nuh dan merupakan salah seorang nabi daripada bangsa Arab. Hal ini disandarkan kepada riwayat daripada Sahih Ibnu Hibban, Rasulullah menyatakan:

وَأَرْبَعَةٌ مِنَ الْعَرَبِ: هُودٌ، وَشُعَيْبٌ، وَصَالِحٌ، وَنَبِيُّكَ مُحَمَّدٌ

Maksudnya: *“Di antara para Nabi ada empat orang daripada bangsa Arab; iaitu Hud, Syuaib, Soleh dan Nabimu, Muhammad.”*

Kaum baginda dikenali sebagai ‘Ad, sebuah bangsa Arab purba yang mendiami wilayah al-Ahqaf, iaitu kawasan berbukit pasir yang terletak di Yaman, di antara Oman dan Hadramaut. Tamadun ‘Ad direkodkan sebagai masyarakat yang memiliki kepakaran kejuruteraan luar biasa melalui pembinaan bangunan-bangunan tinggi. Allah Taala berfirman dalam surah al-Fajr (89) ayat 6 hingga 7:

أَلَمْ تَرَ كَيْفَ فَعَلَ رَبُّكَ بِعَادٍ إِرَمَ ذَاتِ الْعِمَادِ

Maksudnya: *“Tidakkah engkau perhatikan bagaimana Tuhanmu telah melakukan terhadap kaum ‘Ad? Iaitu penduduk Iram yang mempunyai bangunan-bangunan yang tinggi.”*

Gambaran ini membuktikan bahawa ‘Ad merupakan kuasa besar dunia yang memiliki kekuatan fizikal dan kemajuan infrastruktur yang sangat dominan.

Dalam sejarah akidah, kaum ‘Ad merupakan umat pertama yang kembali menyembah berhala selepas peristiwa taufan besar pada zaman Nabi Nuh. Mereka mewarisi bumi sebagai khalifah atau pengganti selepas kemusnahan kaum Nuh, dengan kelebihan kekuatan tubuh badan yang besar.

Nabi Hud mengingatkan mereka melalui firman Allah dalam surah al-A’raf (7) ayat 69:

Maksudnya: *“Dan kenanglah semasa Ia menjadikan kamu khalifah-khalifah sesudah kaum Nuh, dan Ia menambahkan kamu kelebihan pada bentuk kejadian tubuh.”*

Namun, kelebihan ini tidak membawa mereka kepada kesyukuran, sebaliknya mereka menjadi bangsa yang kasar, ingkar dan angkuh dalam amalan syirik mereka.

Apabila Nabi Hud menyeru mereka untuk mengesakan Allah dan memohon keampunan bagi menjamin kesejahteraan dunia dan akhirat, baginda berhadapan dengan tentangan keras daripada golongan elit.

Ketua-ketua kafir daripada kaum tersebut memperlekehkan dakwah baginda seperti yang dirakamkan dalam surah al-A'raf (7) ayat 66:

إِنَّا نَنظُرُكَ فِي سَفَاهَةٍ وَإِنَّا نَنُظِّنُكَ مِنَ الْكَاذِبِينَ

Maksudnya: *“Sesungguhnya kami melihatmu dalam keadaan bodoh. Dan kami berfikir bahawa kamu termasuk orang-orang yang berdusta.”*

Dakwaan ini muncul kerana mereka menganggap ajaran tauhid adalah satu kebodohan jika dibandingkan dengan tradisi menyembah berhala yang mereka percaya sebagai sumber rezeki dan pertolongan. Mereka juga secara terbuka menuduh Nabi Hud sebagai seorang pendusta.

Nabi Hud menjawab tuduhan tersebut dengan penuh integriti tanpa melibatkan emosi peribadi. Baginda menyatakan dalam surah al-A'raf (7) ayat 67 hingga 68:

Maksudnya: *“Wahai kaumku! Tiada padaku sebarang kebodohan tetapi aku adalah seorang Rasul daripada Tuhan sekalian alam. Aku menyampaikan kepada kamu perutusan-perutusan Tuhanku dan aku adalah penasihat yang amanah bagi kamu.”*

Jawapan ini menunjukkan kredibiliti baginda sebagai seorang murabbi yang konsisten dalam menyampaikan risalah tuhan walaupun dihina secara peribadi.

Selain aspek akidah, Nabi Hud turut mengkritik gaya hidup kaum 'Ad yang terlalu memuja materialisme dan kemegahan duniawi. Baginda mempersoalkan tindakan mereka membina monumen dan istana yang teguh hanya sebagai simbol hiburan dan tanda peringatan, seolah-olah mereka akan kekal selamanya di dunia.

Teguran ini direkodkan dalam surah asy-Syu'ara (26) ayat 128 hingga 129:

أَتَبْنُونَ بِكُلِّ رِيعٍ آيَةً تَعْبَثُونَ وَتَتَّخِذُونَ مَصَانِعَ لَعَلَّكُمْ تَخْلُدُونَ

Maksudnya: *“Patutkah kamu membina pada tiap-tiap tempat yang tinggi itu satu bangunan untuk kamu bermain-main? Dan kamu pula membina istana-istana serta benteng-benteng yang teguh dengan harapan supaya kamu kekal hidup selamanya?”*

Ini merupakan analisis kritikal terhadap psikologi bangsa yang berada di puncak kemajuan fizikal namun mengalami keruntuhan spiritual.

Keangkuhan kaum 'Ad mencapai kemuncaknya apabila mereka secara terbuka mencabar Nabi Hud untuk mendatangkan azab tuhan. Mereka lebih mempercayai tradisi nenek moyang dan mencabar kebenaran janji Allah. Rentetan itu, Allah memulakan proses kemusnahan mereka melalui fenomena alam yang mengelirukan.

Setelah melalui musim kemarau yang sangat panjang dan penderitaan yang teruk, mereka melihat gumpalan awan menuju ke lembah-lembah kediaman mereka. Secara visual, mereka menyangka ia adalah hujan rahmat, namun hakikatnya ia adalah pembawa azab.

Allah Taala berfirman dalam surah al-Ahqaf (46) ayat 24:

فَلَمَّا رَأَوْهُ عَارِضًا مُسْتَقْبِلَ أَوْدِيَّتِهِمْ قَالُوا هَذَا عَارِضٌ مُّمْطِرُنَا ۚ بَلْ هُوَ مَا اسْتَعْجَلْتُمْ بِهِ رِيحٌ فِيهَا عَذَابٌ أَلِيمٌ

Maksudnya: *“Maka apabila mereka melihat azab itu sebagai awan yang menghala ke lembah-lembah mereka, mereka berkata, ‘Ini ialah awan yang akan membawa hujan kepada kami.’ Bahkan itulah azab yang kamu minta disegerakan, iaitu angin yang membawa azab yang tidak terperi sakitnya.”*

Awan tersebut membawa angin kencang yang memusnahkan segala-galanya, menjadi pengakhiran tragis bagi sebuah tamadun yang meletakkan ego dan kekuatan material di atas kebenaran wahyu.

## **PENUTUP**

Kisah Nabi Hud a.s. berakhir sebagai satu peringatan abadi bahawa keangkuhan adalah musuh sebenar manusia. Sehebat mana pun binaan yang kita dirikan atau sekuat mana pun fizikal yang kita miliki, semuanya tidak akan bermakna apabila kita membelakangkan Pencipta.

Kejatuhan kaum 'Ad yang dimusnahkan oleh angin kencang setelah mereka sendiri tersilap menyangkanya sebagai awan rahmat mengajar kita bahawa kemewahan dunia boleh bertukar menjadi azab dalam sekelip mata jika jiwa dipenuhi kesombongan. Akhirnya, hanya iman dan ketakwaan yang menjadi pelindung sejati, sebagaimana terselamatnya Nabi Hud dan pengikutnya daripada badai yang membinasakan. Marilah kita mengambil iktibar agar sentiasa membumi dengan sifat syukur dan menjauhi sifat sombong yang hanya akan membawa kepada kehancuran.

## SIRAH NABI SOLEH A.S. – UJIAN KEMAKMURAN DAN KISAH UNTA KAUM THAMUD

Perbincangan kita kini beralih ke wilayah utara Hijaz, menelusuri legasi Nabi Soleh a.s. dan kaum Thamud yang merupakan pengganti kepada dominasi peradaban 'Ad. Dalam kronologi sejarah, Nabi Soleh a.s. muncul sebagai utusan yang membawa misi pemurnian akidah di sebuah lembah bernama al-Hijr, sebuah wilayah yang terletak di antara Hijaz dan Tabuk.

Hari ini, kawasan tersebut dikenali sebagai Mada'in Salih, sebuah tapak yang mempamerkan kehebatan kejuruteraan kuno. Berbeza dengan kaum 'Ad yang membina monumen di kawasan terbuka, kaum Thamud memiliki kepakaran yang lebih rumit, iaitu mengukir dan memahat gunung-ganang untuk dijadikan kediaman serta istana yang megah.

Allah SWT merakamkan pencapaian ini dalam surah al-A'raf (7) ayat 74:

وَأَذْكُرُوا إِذْ جَعَلْنَا خُلَفَاءَ مِنْ بَعْدِ عَادٍ وَبَوَّأْنَاكُمْ فِي الْأَرْضِ تَتَّخِذُونَ مِنْ سُهُولِهَا قُصُورًا وَتَنْحِتُونَ الْجِبَالَ بُيُوتًا ۖ فَادْكُرُوا آيَاءَ اللَّهِ وَلَا تَعْتَوْا فِي الْأَرْضِ مُفْسِدِينَ

Maksudnya: “Dan kenanglah ketika Allah menjadikan kamu khalifah-khalifah sesudah kaum 'Ad, dan ditempatkannya kamu di bumi, (dengan diberi kemudahan) untuk kamu mendirikan istana-istana di tanahnya yang rata, dan kamu memahat gunung-ganangnya untuk dijadikan rumah. Maka kenangkanlah nikmat-nikmat Allah itu dan janganlah kamu bermaharajalela melakukan kerosakan di muka bumi.”

Kemahiran seni bina ini mencerminkan tahap intelektual yang tinggi, namun ia juga menjadi punca kepada keangkuhan tamadun mereka.

Secara sosiologi, kaum Thamud merupakan masyarakat yang makmur namun mengalami krisis integriti yang parah. Nabi Soleh muncul daripada kelompok elit mereka sendiri; seorang lelaki yang asalnya sangat dihormati dan dianggap sebagai tokoh masa depan bagi bangsa tersebut.

Namun, apabila baginda mula membawa gagasan tauhid, status sosial baginda berubah secara drastik. Dalam surah Hud (11) ayat 62, kaumnya menyatakan:

قَالُوا يَا صَالِحُ قَدْ كُنْتَ فِينَا مَرْجُوًّا قَبْلَ هَذَا أَتَنْهَانَا أَنْ نَعْبُدَ مَا يَعْبُدُ آبَاؤُنَا وَإِنَّنَا فِي شَكٍّ مِمَّا تَدْعُونَا إِلَيْهِ مُرِيبٍ

Maksudnya: Mereka menjawab dengan berkata, “Wahai Soleh, sesungguhnya engkau sebelum ini adalah orang yang diharap dalam kalangan kami (untuk memimpin kami); patutkah engkau melarang kami daripada menyembah apa yang disembah oleh datuk nenek kami? Dan (ketahuilah) sesungguhnya kami berada dalam keadaan ragu-ragu yang merunsingkan tentang apa yang engkau serukan kami kepadanya.”

Kenyataan ini menunjukkan bagaimana kebenaran wahyu sering kali ditolak bukan kerana hujah yang lemah tetapi kerana kebenaran wahyu ini menggugat zon selesa dan tradisi warisan yang menyimpang.

Kemuncak kepada pertentangan ini adalah apabila kaum Thamud menuntut satu bukti empirikal yang luar biasa sebagai syarat untuk beriman. Mereka mencabar Nabi Soleh untuk mengeluarkan seekor unta betina daripada celahan batu besar.

Apabila Allah SWT menzahirkan mukjizat tersebut, ia dikenali sebagai *naqatullah* atau unta Allah. Kehadiran unta ini berfungsi sebagai instrumen ujian terhadap undang-undang sosial dan pengurusan sumber alam.

Nabi Soleh menetapkan satu peraturan pengurusan air yang sangat sistematik bagi menguji ketaatan mereka. Merujuk kepada surah asyu-Syu'ara (26) ayat 155-156:

قَالَ هَذِهِ نَاقَةٌ لَهَا شِرْبٌ وَلَكُمْ شِرْبُ يَوْمٍ مَعْلُومٍ وَلَا تَمْسُوهَا بِسُوءٍ فَيَأْخُذَكُمْ عَذَابُ يَوْمٍ عَظِيمٍ

Maksudnya: “Nabi Soleh berkata, ‘Ini adalah seekor unta betina; ia mempunyai bahagian air (untuk minum), dan kamu juga mempunyai bahagian air pada hari yang tertentu. Dan janganlah kamu menyentuhnya dengan sesuatu yang buruk (menyakitinya), yang menyebabkan kamu akan ditimpa azab pada hari yang sangat besar.’”

Pembahagian giliran air ini merupakan ujian terhadap sifat tamak dan keupayaan manusia untuk tunduk kepada peraturan tuhan. Pada hari giliran unta tersebut, mereka dilarang mengambil air, namun mereka diberikan susu sebagai ganti. Ini adalah satu bentuk kontrak sosial yang menguji sejauh mana sesebuah tamadun yang maju sanggup berkongsi sumber dengan makhluk lain demi mematuhi perintah pencipta.

Walau bagaimanapun, keangkuhan kelompok elit Thamud akhirnya membawa kepada konspirasi jenayah. Dianggotai oleh sembilan orang pemimpin yang sering melakukan kerosakan di bumi, seperti yang disebut dalam surah an-Naml (27) ayat 48, mereka merancang untuk menghapuskan unta tersebut.

Mereka melihat undang-undang yang dibawa oleh Nabi Soleh sebagai penghalang kepada kebebasan mutlak mereka. Akhirnya, mereka menyembelih unta betina tersebut sebagai simbol pemberontakan terhadap kedaulatan Allah. Perbuatan ini merupakan isyarat bahawa mereka telah memutuskan hubungan dengan rahmat tuhan.

Susulan daripada pengkhianatan tersebut, Nabi Soleh memberikan amaran terakhir dengan tempoh waktu yang spesifik. Dalam surah Hud (11) ayat 65, baginda menyatakan:

فَعَقَرُوهَا فَقَالَ تَمَتَّعُوا فِي دَارِكُمْ ثَلَاثَةَ أَيَّامٍ ذَلِكَ وَعْدٌ غَيْرُ مَكْذُوبٍ

Maksudnya: *“Kemudian mereka menyembelih unta itu, lalu Nabi Soleh berkata, ‘Berseronoklah kamu di rumah kamu selama tiga hari; itu adalah janji (azab) yang tidak dapat didustakan.’”*

Tempoh tiga hari ini adalah waktu untuk mereka berfikir, namun mereka tetap dalam keangkuhan, malah merancang untuk membunuh Nabi Soleh.

Mekanisme kemusnahan kaum Thamud berlaku melalui dua fenomena alam yang dahsyat, iaitu *as-Saihah* (tempikan suara yang sangat kuat) dan *ar-Rajfah* (gegaran gempa bumi).

وَأَخَذَ الَّذِينَ ظَلَمُوا الصَّيْحَةَ فَأَصْبَحُوا فِي دِيَارِهِمْ جَاثِمِينَ

Maksudnya: *“Dan orang-orang yang zalim itu pun dibinasakan oleh satu pekikan suara yang dahsyat (as-Saihah), lalu mereka mati bergelimpangan di tempat tinggal masing-masing.”*

(Surah Hud 11: 67)

فَأَخَذَتْهُمُ الرَّجْفَةُ فَأَصْبَحُوا فِي دَارِهِمْ جَاثِمِينَ

Maksudnya: *“Lalu, mereka pun dibinasakan oleh gempa bumi (yang dahsyat) serta-merta mereka menjadi mayat-mayat yang bergelimpangan di tempat tinggal masing-masing.”*

(Surah Hud 11: 78)



Kehebatan istana yang dipahat di dalam gunung-ganang yang mereka banggakan sebagai pelindung, langsung tidak mampu memberikan sebarang pertahanan terhadap kekuatan azab tuhan. Kediaman yang teguh itu akhirnya berubah menjadi makam yang menyaksikan kejatuhan sebuah peradaban yang sombong.

## **PENUTUP**

Sejarah kaum Thamud membuktikan bahawa kemajuan kejuruteraan dan seni bina yang hebat tidak menjamin kelestarian sesebuah tamadun jika integriti moral diabaikan. Kekuatan fizikal tanpa landasan iman akhirnya membawa kepada kebinasaan.

Tindakan kelompok elit yang menyembelih unta tersebut merupakan simbol pemberontakan terhadap undang-undang Tuhan dan pencabulan hak keadilan sosial. Keangkuhan sosiopolitik ini mengundang azab gabungan antara pekikan suara dahsyat dan gegaran bumi yang memusnahkan mereka secara total dalam tempoh tiga hari.

Ini mendidik kita bahawa setiap nikmat kemakmuran ialah amanah yang menuntut kepada tanggungjawab. Kemajuan sejati sesebuah bangsa hanya tercapai melalui keseimbangan antara pembangunan material dengan ketaatan spiritual.

## SIRAH NABI IBRAHIM A.S. – BAPA PARA NABI DAN ARKITEK IBADAH HAJI

Perjalanan hidup dan dakwah Nabi Ibrahim a.s. merupakan kajian tentang revolusi pemikiran dan asas ketauhidan yang paling fundamental dalam peradaban manusia. Sebagai susuk yang digelar *Khalilullah* dan *Abul Anbiya'*, baginda merupakan tokoh utama yang menghubungkan rantai kenabian daripada zaman purba sehingga kepada Nabi Muhammad SAW.

Baginda lahir di Iraq dalam sebuah masyarakat yang memiliki pencapaian tamadun tinggi, namun mengalami penyimpangan akidah yang ekstrem melalui penyembahan objek langit dan berhala buatan manusia. Metodologi awal dakwah Nabi Ibrahim dimulakan dengan penggunaan logik akal dan pemerhatian sistematik terhadap bintang, bulan dan matahari untuk membuktikan bahawa setiap objek yang terikat dengan hukum alam adalah entiti yang lemah sebagaimana yang disebutkan dalam surah al-An'am (6) ayat 76-79.

Kesimpulan ilmiah yang dicapai baginda ialah objek yang tertakluk kepada hukum alam tidak layak disembah kerana ia mempunyai pencipta yang mengatur sistem tersebut secara konsisten.

إِنِّي وَجَّهْتُ وَجْهِيَ لِلَّذِي فَطَرَ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضَ حَنِيفًا وَمَا أَنَا مِنَ الْمُشْرِكِينَ

Maksudnya: *“Sesungguhnya aku hadapkan wajahku kepada (Allah) yang menciptakan langit dan bumi dengan penuh keikhlasan (tauhid), dan bukanlah aku daripada golongan orang-orang musyrik.”*

(Surah al-An'am 6: 79)

Ketajaman intelek ini membawa baginda berhadapan dengan bapanya sendiri, Azar, seorang pemahat berhala yang mewakili institusi tradisi sebelum akhirnya bersemuka dengan Raja Namrud yang merupakan simbol kekuasaan politik mutlak.

Dalam perdebatan yang dirakamkan dalam surah al-Baqarah (2) ayat 258, Namrud gagal menandingi hujah kosmologi baginda yang melangkaui sempadan autoriti manusia. Apabila Namrud mendakwa berkuasa menghidup dan mematikan manusia melalui kekuasaannya, Nabi Ibrahim membalas dengan cabaran yang lebih besar, iaitu mengarahkan matahari terbit dari arah barat. Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 258:

قَالَ إِبْرَاهِيمُ فَإِنَّ اللَّهَ يَأْتِي بِالشَّمْسِ مِنَ الْمَشْرِقِ فَأْتِ بِهَا مِنَ الْمَغْرِبِ فَبُهِتَ الَّذِي كَفَرَ ۗ وَاللَّهُ لَا يَهْدِي الْقَوْمَ الظَّالِمِينَ

Maksudnya: *Nabi Ibrahim berkata lagi, “Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, oleh itu terbitkanlah dia dari barat?” Maka, tercenganglah orang yang kafir itu (lalu diam membisu). Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim.”*

Kegagalan Namrud membuktikan bahawa sehebat mana pun kekuasaan politik tetap terbatas dan tunduk di bawah peraturan alam yang ditetapkan Allah SWT. Selain perdebatan lisan, Nabi Ibrahim menggunakan strategi provokasi intelektual dengan memusnahkan berhala-berhala di kuil kaumnya kecuali berhala yang paling besar.

Tindakan meletakkan kapak pada bahu berhala utama tersebut bertujuan memaksa masyarakatnya berfikir secara kritikal tentang ketidakberdayaan tuhan yang mereka cipta sendiri. Namun, kegagalan mereka menerima hakikat ini menyebabkan mereka menggunakan kekerasan fizikal dengan mencampakkan baginda ke dalam api yang marak.

فَجَعَلَهُمْ جُودًا إِلَّا كَبِيرًا لَهُمْ لَعَلَّهُمْ إِلَيْهِ يَرْجِعُونَ

Maksudnya: *“Lalu dia memecahkan semuanya berketul-ketul kecuali sebuah berhala mereka yang besar (dibiarkannya) supaya mereka kembali kepadanya.”*

(Surah al-Anbiya' 21: 58)

Peristiwa baginda diselamatkan daripada api merupakan manifestasi kekuasaan Allah yang mengatasi hukum fizik, iaitu sifat panas pada api ditangguhkan secara total mengikut kehendak-Nya.

Peristiwa pascadramatik di Iraq, Nabi Ibrahim memulakan fasa hijrah yang meluas merentasi wilayah Palestin, Mesir sehingga ke Hijaz. Kembara ini bertujuan menyebarkan benih tauhid di pusat-pusat peradaban paling strategik di dunia.

Di Mesir, baginda berhadapan dengan ujian pemerintah yang zalim sebelum akhirnya kembali ke Palestin bersama Sarah dan Hajar. Sejarah mencatatkan bahawa daripada rantai keturunan baginda, lahirnya para nabi daripada dua cabang utama; melalui Nabi Ishak a.s. di Palestin yang menurunkan rantai nabi-nabi Bani Israil dan melalui Nabi Ismail a.s. di Makkah yang akhirnya melahirkan Nabi Muhammad SAW.

Pembukaan lembah Makkah oleh baginda dan keluarga merupakan satu bentuk kemajuan yang luar biasa, iaitu sebuah kawasan gersang tanpa hidupan berubah menjadi

pusat peradaban melalui penemuan sumber air zamzam. Peristiwa ini membuktikan bahawa kedaulatan sesebuah wilayah bermula dengan keberkatan sumber alam dan ketaatan spiritual penghuninya.

Satu lagi dimensi yang sangat mendalam dalam sirah baginda ialah ujian ketaatan yang memuncak melalui perintah penyembelihan Nabi Ismail a.s.. Secara ilmiah dan psikologi, peristiwa ini adalah manifestasi penyerahan diri sepenuhnya yang menuntut pengorbanan ego manusiawi dan kecintaan duniawi demi melaksanakan perintah Allah SWT.

Dialog antara Ibrahim dengan Ismail sebelum penyembelihan menunjukkan kualiti didikan yang berasaskan kefahaman, bukannya paksaan buta. Kesanggupan Ismail untuk disembelih dan keteguhan Ibrahim melaksanakan perintah tersebut, yang kemudiannya digantikan dengan seekor kibas, menjadi asas kepada syariat korban yang kita laksanakan sehingga hari ini sebagai simbol pembersihan jiwa daripada sifat mementingkan diri.

Legasi fizikal terbesar Nabi Ibrahim a.s. adalah pembinaan semula Kaabah sebagai rumah ibadah pertama yang didirikan untuk menyatukan umat manusia di bawah satu paksi tauhid. Pembinaan yang dilakukan bersama Nabi Ismail ini menetapkan kiblat sejagat yang merentas sempadan budaya dan bangsa.

Segala syariat haji, bermula daripada tawaf, sa'i antara Safa dan Marwah sehingga ke wukuf di Arafah adalah kesinambungan langsung daripada sejarah hidup keluarga Nabi Ibrahim a.s.. Secara keseluruhannya, sejarah Nabi Ibrahim a.s. menyediakan asas tamadun yang seimbang antara kemajuan intelek, keberanian menyatakan kebenaran di hadapan penguasa, dan ketundukan spiritual yang jitu.

## **PENUTUP**

Kisah Nabi Ibrahim a.s. mengajar kita bahawa iman bukan sekadar ikut-ikutan tetapi lahir daripada akal yang sihat dan ilmu yang mendalam. Baginda membuktikan kewujudan Tuhan melalui pemerhatian alam untuk mengajak kita berfikir secara logik. Sesungguhnya keyakinan yang paling teguh adalah keyakinan yang dibina atas asas ilmu dan kebenaran.

Dalam dakwah, Baginda tidak hanya bercakap tetapi baginda mencabar cara fikir masyarakatnya yang sudah lama terbelenggu dengan tradisi yang salah. Ini membuktikan bahawa kebenaran sejati tidak akan pernah tunduk kepada keangkuhan kuasa atau paksaan fizikal.

Akhir sekali, legasi Kaabah dan syariat korban yang kita amalkan hari ini adalah bukti pengorbanan luar biasa keluarga baginda demi ketaatan kepada Allah. Sebagai

“Bapa Para Nabi”, Ibrahim a.s. telah membina asas tamadun yang seimbang antara kemajuan minda dengan ketundukan jiwa kepada Pencipta.

## KESIMPULAN

Kejatuhan peradaban kaum ‘Ad dan Thamud memberikan pengajaran berharga bahawa kekuatan fizikal serta kemajuan teknologi bukanlah tunjang utama kelangsungan sesebuah bangsa. Apabila pencapaian materialistik tidak lagi dipandu oleh etika ketuhanan, ia cenderung mencetuskan keangkuhan yang akhirnya membawa kepada kemusnahan. Sebaliknya, kehadiran Nabi Ibrahim a.s. melengkapkan prinsip pembangunan manusia dengan memartabatkan fungsi akal melalui revolusi tauhid yang rasional.

Nabi Ibrahim a.s. membuktikan bahawa kelestarian tamadun hanya dapat dijamin apabila kecemerlangan intelek disepadukan dengan ketundukan spiritual yang jitu kepada Allah SWT. Baginda mengalihkan tumpuan manusia daripada pemujaan terhadap simbol kebendaan kepada pencarian hakikat kebenaran yang lebih tinggi. Gabungan antara ketaatan mutlak dengan penaakulan ilmu inilah yang menjadi asas kepada keberlangsungan risalah kenabian yang merentas zaman.

Secara tuntas, ketiga-tiga fasa sejarah ini menegaskan bahawa kemakmuran sebenar tidak terletak pada teguhnya binaan atau hebatnya teknologi semata-mata. Sebuah peradaban yang diredai Allah adalah peradaban yang mengimbangi kemajuan duniawi dengan integriti akidah. Tanpa keseimbangan ini, sehebat mana pun sesebuah bangsa, ia tetap akan runtuh di bawah hukum *sunnatullah* yang bersifat kekal dan tidak berubah.

## SESI KETIGA

# UJIAN MORAL DAN KESUCIAN KETURUNAN

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

Peserta akan dapat mendalami peranan akhlak dalam kerangka syariat, menghayati kepentingan memelihara kesucian jiwa serta institusi kekeluargaan sebagai tunjang penerimaan amal di sisi Allah, di samping menyingkap ibrah pengorbanan yang mencerminkan darjat ketaatan mutlak seorang hamba terhadap Penciptanya.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Kisah Nabi Lut a.s.
- Kisah Nabi Ismail a.s.
- Kisah Nabi Ishak a.s.

## **SESI KETIGA: UJIAN MORAL DAN KESUCIAN KETURUNAN**

### **PENDAHULUAN**

Dalam pertemuan kali ini, kita akan menyelami kehidupan tiga nabi agung, iaitu Nabi Lut a.s., Nabi Ismail a.s. dan Nabi Ishak a.s.. Fokus utama kita bukan hanya menceritakan sejarah tetapi memahami bagaimana kekuatan moral dan kesempurnaan peribadi menjadi benteng utama dalam memelihara kesucian keturunan serta maruah manusia di tengah-tengah ujian yang mencabar fitrah.

Kisah Nabi Lut a.s. membawa kita ke tengah-tengah masyarakat yang sedang mengalami keruntuhan moral yang paling ekstrem. Melalui baginda, kita akan melihat bagaimana seorang pemimpin berdiri teguh mempertahankan nilai kebenaran meskipun dikelilingi oleh persekitaran yang menjijikkan.

Seterusnya, kita akan meninjau aspek kesucian keturunan melalui dua cabang utama daripada susur galur Nabi Ibrahim a.s., iaitu Nabi Ismail a.s. dan Nabi Ishak a.s.. Melalui ketaatan luar biasa Nabi Ismail dan kebijaksanaan Nabi Ishak, kita belajar bahawa keturunan yang mulia tidak hanya lahir daripada pertalian darah tetapi dibentuk melalui proses didikan, kesabaran dan ketakwaan yang tidak berbelah bahagi.

Sebagai pembuka bicara untuk sesi ini, marilah kita membuka minda dan hati untuk melihat bagaimana prinsip moral yang ditekankan oleh ketiga-tiga nabi ini sangat relevan untuk kita aplikasikan dalam mendepani cabaran zaman moden. Sesi ini akan mengajak anda untuk berfikir secara kritis tentang peranan kita dalam menjaga integriti moral dan bagaimana kita boleh mencorakkan masa depan keturunan yang lebih suci dan bermaruah.

## **SIRAH NABI LUT A.S.: PENJAGA FITRAH INSAN DAN PERISAI KERUNTUHAN MORAL**

Segala puji bagi Allah, Tuhan sekalian alam. Hari ini kita akan menelusuri satu lembaran sejarah yang sangat penting dalam membina jati diri dan moral kita, iaitu kisah Nabi Lut a.s.. Baginda merupakan simbol keteguhan seorang lelaki yang berdiri sendirian mempertahankan nilai fitrah manusia di tengah-tengah masyarakat yang sudah hilang kompas moralnya.

Nabi Lut a.s. ialah anak saudara kepada Nabi Ibrahim a.s.. Baginda membesar di bawah bimbingan bapa saudaranya yang agung itu, maka tidak hairanlah jiwa baginda sangat kental dengan tauhid. Allah SWT kemudiannya memerintahkan Nabi Lut untuk berhijrah ke sebuah kota bernama Sodom, sebuah wilayah yang makmur di pesisir Laut Mati, Jordan pada hari ini.

Namun, di sebalik kemakmuran ekonomi dan kemajuan fizikal kota tersebut, tersimpan satu penyakit sosial yang sangat parah. Penduduk Sodom melakukan perbuatan homoseksual keji yang tidak pernah terfikir oleh akal manusia yang waras sebelumnya. Menyalahi fitrah penciptaan lelaki dan wanita.

Ketahuiilah bahawa ujian yang dihadapi Nabi Lut bukan sekadar ujian fizikal tetapi ujian mental dan emosi yang sangat berat. Baginda terpaksa berhadapan dengan kaumnya setiap hari, melihat kemungkaran dilakukan secara terang-terangan di tempat awam tanpa rasa malu.

Dalam keadaan itu, Nabi Lut tidak berdiam diri. Baginda menggunakan lisan dan tindakannya untuk menegur mereka dengan penuh hikmah namun tegas. Baginda mengingatkan mereka bahawa perbuatan tersebut bukan sahaja merosakkan maruah diri, malah memutuskan rantai kesucian keturunan manusia.



Firman Allah SWT dalam surah al-A'raf (7) ayat 80 hingga 81 merakamkan detik dakwah Nabi Lut kepada kaumnya:

وَلُوطًا إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ أَتَأْتُونَ الْفَاحِشَةَ مَا سَبَقَكُمْ بِهَا مِنْ أَحَدٍ مِنَ الْعَالَمِينَ. إِنكُمْ لَتَأْتُونَ الرِّجَالَ  
شَهْوَةً مِنْ دُونِ النِّسَاءِ ۚ بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ

Maksudnya: *"Dan Nabi Lut juga (Kami utus). Ingatlah ketika ia berkata kepada kaumnya, 'Mengapa kamu melakukan perbuatan keji yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun daripada penduduk alam ini sebelum kamu? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan syahwat kamu dengan meninggalkan perempuan, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas.'"*

Respons kaum Sodom sangat menyedihkan. Bukannya mereka insaf, malah mereka mencabar Nabi Lut. Mereka berkata bahawa Nabi Lut dan pengikutnya adalah orang-orang yang "berlagak suci" dan tidak layak tinggal bersama mereka. Inilah fenomena di mana kebenaran dianggap sebagai keasingan, manakala kemaksiatan dijulung sebagai norma.

Ujian moral Nabi Lut semakin memuncak apabila baginda tidak mendapat sokongan daripada orang yang paling diharapkan, iaitu isterinya sendiri. Walaupun isterinya tidak melakukan perbuatan keji tersebut, namun hatinya cenderung dan menyokong perbuatan kaum Sodom. Ini mengajar kita betapa bahayanya sikap membenarkan maksiat.

Detik kemuncak kisah ini berlaku apabila Allah SWT menghantar tetamu istimewa ke rumah Nabi Lut, iaitu para malaikat yang menyerupai lelaki-lelaki yang sangat tampan. Nabi Lut berasa sangat sesak dada dan bimbang akan keselamatan tetamunya kerana baginda tahu betapa teruknya sikap kaum Sodom yang tertarik kepada jantina sejenis.

Benar bagaikan disangka, penduduk Sodom mengepung rumah baginda dan menuntut agar tetamu-tetamu itu diserahkan untuk memuaskan nafsu mereka. Pada saat itulah, para malaikat mendedahkan identiti mereka.

Allah SWT berfirman dalam Ssurah Hud (11) ayat 81:

قَالُوا يَا لُوطُ إِنَّا رُسُلُ رَبِّكَ لَنْ يَصِلُوا إِلَيْكَ فَأَسْرَبَ إِلَيْكَ بِقِطْعٍ مِّنَ اللَّيْلِ وَلَا يَلْتَفِتْ مِنْكُمْ أَحَدٌ إِلَّا أَمْرًا تَكُنُ مِنْهُ مُصِيبًا مَا أَصَابَهُمْ إِلَّا مَوْعِدُهُمُ الصُّبْحُ ۚ أَلَيْسَ الصُّبْحُ بِقَرِيبٍ

Maksudnya: “Para utusan (malaikat) berkata, ‘Wahai Lut! Sesungguhnya kami adalah utusan Tuhanmu, mereka sekali-kali tidak akan dapat mengganggu kamu. Oleh itu, keluarlah membawa keluargamu pada akhir malam dan janganlah ada seorang pun di antara kamu yang menoleh ke belakang, kecuali isterimu. Sesungguhnya dia akan ditimpa azab yang menimpa mereka. Sesungguhnya waktu janji datangnya azab kepada mereka ialah waktu subuh. Bukankah waktu subuh itu sudah dekat?’”

Nabi Lut dan pengikutnya yang beriman segera keluar meninggalkan kota itu. Apabila fajar menyingsing, Allah SWT mendatangkan azab yang sangat dahsyat. Bumi Sodom diterbalikkan, manakala hujan batu dari tanah yang terbakar menghujani mereka sehingga musnah segalanya. Kota yang dahulunya megah kini menjadi pengajaran abadi buat manusia sejagat.

## Penutup

Pengajaran besar yang boleh kita bawa pulang daripada modul ini adalah tentang kepentingan menjaga “izzah” atau maruah diri. Nabi Lut a.s. mengajar kita bahawa integriti moral adalah harta yang paling berharga. Menjaga kesucian keturunan bermula dengan menjaga fitrah lelaki dan wanita mengikut ketetapan Pencipta.

Pada zaman yang penuh dengan cabaran pemikiran dan budaya yang pelbagai ini, kita perlu menjadi seperti Nabi Lut—berani berkata benar, teguh mempertahankan prinsip dan tidak sesekali berkompromi dengan perkara yang merosakkan fitrah insani. Begitu juga penting untuk kita sedar dosa bersubahat dan membenarkan maksiat secara terang-terangan.

Kesucian keturunan bukan semata-mata tentang salasilah yang hebat tetapi tentang bagaimana kita mendidik zuriat kita untuk mengenali batas antara yang hak dengan yang batil. Semoga kita semua diberikan kekuatan untuk terus menjadi benteng fitrah dalam keluarga dan masyarakat kita masing-masing.

## **SIRAH NABI ISMAIL A.S. – TUNJANG KETAATAN MUTLAK DAN KESUCIAN NASAB MULIA**

Segala puji bagi Allah SWT, Tuhan yang telah memilih susur galur manusia tertentu untuk memikul amanah risalah-Nya. Sesi kali ini akan membawa kita menghayati riwayat hidup Nabi Ismail a.s., seorang nabi yang kedudukannya sangat penting dalam memahami konsep kesucian keturunan dan integriti moral.

Melalui kehidupan baginda, kita bukan sekadar belajar tentang sejarah tetapi kita melihat bagaimana Allah SWT menyediakan satu “rahim” dan persekitaran yang suci untuk melahirkan sebaik-baik ciptaan, iaitu Nabi Muhammad SAW. Kehadiran Ismail dalam sejarah dunia bukan satu kebetulan, melainkan satu rencana agung untuk membuktikan bahawa keturunan yang mulia lahir daripada ujian yang besar dan ketaatan yang tidak berbelah bahagi kepada Pencipta.

Kisah Nabi Ismail a.s. bermula sebagai satu jawapan kepada doa yang panjang daripada seorang bapa yang sangat merindukan zuriat penyambung dakwah. Nabi Ibrahim a.s. memohon kepada Allah agar dikurniakan anak yang soleh, lalu Allah mengurniakan Ismail melalui Hajar.

Sejak saat kelahirannya, Nabi Ismail sudah diletakkan dalam kancah ujian yang luar biasa. Allah memerintahkan Ibrahim untuk membawa Hajar dan Ismail yang masih kecil ke sebuah lembah yang tandus, tidak berpenghuni dan tidak mempunyai sumber air, iaitu Makkah. Peristiwa ini merupakan titik mula bagaimana “kesucian keturunan” itu diuji melalui penyerahan diri secara total.

Bayangkan seorang ibu dan anak ditinggalkan di tengah-tengah padang pasir hanya berbekalkan keyakinan bahawa Allah tidak akan mensia-siakan mereka. Di sinilah integriti moral Ismail mula dibentuk melalui air susu ibu yang jiwanya penuh dengan tawakal kepada Allah SWT.

Kehausan Ismail di tengah-tengah panas terik matahari telah menggerakkan ibunya berlari antara Safa dengan Marwah. Ujian pertama yang dihadapi oleh Ismail yang masih bayi ialah peristiwa pencarian air yang kini kekal diabadikan dengan kewujudan telaga zamzam dan ibadah sa’i.

Apabila Nabi Ismail tumbuh dewasa, datanglah ujian yang paling berat dan tidak masuk dek akal manusia biasa, iaitu perintah penyembelihan melalui mimpi Nabi Ibrahim a.s.. Di sinilah letaknya kemuncak “ujian moral” yang menjadi tema modul kita. Integriti seorang anak diuji apabila bapanya menyatakan perintah Allah untuk menyembelihnya.

Reaksi Nabi Ismail a.s. adalah satu manifestasi ketaatan yang tiada tandingannya dalam sejarah manusia. Baginda tidak sedikit pun ragu atau memberontak, sebaliknya memberikan jawapan yang mempamerkan kualiti jiwa yang telah disucikan oleh Allah SWT.

Jawapan agung Nabi Ismail ini dirakamkan dalam surah ss-Saffat (37) ayat 102:

فَلَمَّا بَلَغَ مَعَهُ السَّعْيَ قَالَ يَا بُنَيَّ إِنِّي أَرَى فِي الْمَنَامِ أَنِّي أَذْبَحُكَ فَانْظُرْ مَاذَا تَرَى ۚ قَالَ يَا أَبَتِ افْعَلْ مَا تُؤْمَرُ سَتَجِدُنِي إِن شَاءَ اللَّهُ مِنَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: *“Maka ketika anak itu sampai (ke peringkat umur yang membolehkan dia) berusaha bersama-sama dengannya, Nabi Ibrahim berkata, ‘Wahai anak kesayanganku! Sesungguhnya aku melihat dalam mimpi bahawa aku akan menyembelihmu; maka fikirkanlah apa pendapatmu?’ Ia menjawab, ‘Wahai bapaku, jalankanlah apa yang diperintahkan kepadamu; engkau akan mendapati daku - insya-Allah - daripada orang-orang yang sabar.’”*

Baginda memahami bahawa ketaatan kepada Allah mengatasi segala-galanya termasuk nyawa sendiri. Pengorbanan ini kemudiannya digantikan oleh Allah dengan seekor biri-biri yang besar dan peristiwa ini menjadi asas kepada ibadah korban yang kita amalkan sehingga hari ini.

Allah tidak berhajat kepada darah Nabi Ismail. Tidak juga sengaja mahu menyakiti Nabi Ibrahim. Tetapi, Allah mahu melihat kesediaan hati dua beranak ini untuk menyerahkan segala-galanya kepada-Nya. Inilah tapisan yang menentukan kelayakan seseorang untuk menjadi moyang kepada penghulu segala nabi.

Fasa seterusnya dalam kehidupan Nabi Ismail a.s.. ialah peranan baginda sebagai “arkitek ibadah” bersama bapanya. Mereka diperintahkan untuk membina semula Kaabah, iaitu rumah ibadah yang pertama di muka bumi.

Semasa membina Kaabah, mereka tidak hanya menyusun batu tetapi mereka menyusun doa untuk masa depan keturunan mereka. Mereka memohon agar daripada zuriat mereka lahir satu umat yang tunduk patuh kepada Allah dan seorang Rasul yang akan membacakan ayat-ayat Allah serta menyucikan jiwa manusia.

Doa ini adalah bukti bahawa Nabi Ismail sangat prihatin terhadap “kesucian keturunan” yang bakal lahir selepasnya. Baginda mahu memastikan bahawa legasi tauhid ini berterusan sehingga akhir zaman.

Allah SWT berfirman dalam surah al-Baqarah (2) ayat 128-129 mengenai doa mereka:

رَبَّنَا وَاجْعَلْنَا مُسْلِمِينَ لَكَ وَمِنْ ذُرِّيَّتِنَا أُمَّةً مُّسْلِمَةً لَّكَ رَبَّنَا وَابْعَثْ فِيهِمْ رَسُولًا مِنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِكَ وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَيُزَكِّيهِمْ

Maksudnya: “Wahai Tuhan kami! Jadikanlah kami berdua orang-orang Islam (yang berserah diri) kepada-Mu, dan jadikanlah daripada keturunan kami umat Islam (yang berserah diri) kepada-Mu... Wahai Tuhan kami! Utuslah di tengah-tengah mereka seorang Rasul daripada kalangan mereka sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat-Mu dan mengajarkan mereka Kitab (al-Quran) serta hikmah dan membersihkan (menyucikan) mereka.”

Doa inilah yang menjadi titik tolak kepada kelahiran Nabi Muhammad SAW beribu-ribu tahun kemudian. Nabi Muhammad SAW sendiri pernah bersabda,

أَنَا دَعْوَةُ أَبِي إِبْرَاهِيمَ، وَبَشَارَةُ عِيسَى

Maksudnya: “Aku adalah doa ayahku Ibrahim dan khabar gembira saudaraku Isa.”

(Riwayat al-Hakim)

Ini menunjukkan bahawa kesucian nasab Nabi Muhammad SAW terjaga rapi melalui jalur Nabi Ismail a.s. yang telah melalui proses penapisan moral yang sangat ketat melalui pelbagai ujian di lembah Makkah.

## Penutup

Sebagai penutup, sirah Nabi Ismail a.s. mengajar kita bahawa keturunan yang suci dan mulia tidak datang secara begitu saja. Ia memerlukan pengorbanan, didikan yang berasaskan tauhid dan ketaatan yang mutlak kepada perintah Allah.

Besarnya tanggungjawab kita dalam membentuk generasi masa hadapan. Sebagaimana Nabi Ibrahim dan Siti Hajar mencorakkan jiwa Ismail dengan nilai tawakal, maka kita juga bertanggungjawab untuk memastikan setiap zuriat yang lahir daripada kita membesar dalam persekitaran yang suci daripada kerosakan moral. Kesucian nasab yang kita pelajari hari ini menuntut kita untuk menjaga setiap aspek kehidupan. Bermula dengan sumber rezeki yang halal sehinggalah kepada pendidikan akhlak yang syumul kerana daripada akar yang suci itulah akan lahir pohon yang teguh dan buah yang bermanfaat bagi ummah.

Baginda adalah contoh terbaik bagaimana seorang anak menjaga integriti moralnya dengan menghormati bapanya dan mencintai Tuhannya lebih daripada segalanya. Dalam mendepani cabaran zaman moden ini, kita perlu kembali kepada prinsip yang dibawa oleh Nabi Ismail, iaitu menjaga kesucian diri dan keturunan dengan memastikan setiap langkah kehidupan kita berlandaskan syariat Allah. Semoga modul ini memberi inspirasi kepada kita untuk membina generasi yang mempunyai kekuatan jiwa seperti Nabi Ismail a.s., yang sentiasa bersedia untuk berkorban demi kebenaran dan kesucian agama.

## SIRAH NABI ISHAK A.S. – PEWARIS HIKMAH DAN PENERUS LEGASI KETURUNAN BERKAT

Setelah kita menghayati ketabahan Nabi Lut dalam menjaga fitrah dan ketaatan luar biasa Nabi Ismail di lembah Makkah, kini kita beralih kepada cabang kedua daripada pohon kenabian Ibrahim a.s., iaitu Nabi Ishak a.s..

Kehadiran Nabi Ishak dalam sejarah dunia ialah simbol kemenangan bagi kesabaran yang panjang dan bukti bahawa janji Allah SWT kepada hamba-hamba-Nya yang bertakwa pasti akan dikota. Melalui sirah Nabi Ishak, kita akan melihat bagaimana kesucian keturunan itu dipelihara melalui hikmah dan ilmu, sekali gus menjadi jambatan bagi munculnya ribuan nabi daripada kalangan Bani Israil.

Kisah Nabi Ishak a.s. bermula dengan satu mukjizat yang mencabar logik akal manusia. Baginda lahir daripada bondanya, Sarah, ketika kedua-dua ibu bapanya, Nabi Ibrahim a.s. sudah mencapai usia yang sangat tua dan Sarah sendiri dianggap mandul.

Kelahiran Ishak adalah satu anugerah yang datang sebagai “berita gembira” daripada Allah melalui perantaraan para malaikat yang sedang dalam perjalanan menuju ke kota Sodom, kota kaum Nabi Lut a.s.. Kehadiran malaikat-malaikat ini bukan sahaja membawa berita kehancuran bagi kaum yang melakukan maksiat tetapi pada waktu yang sama membawa berita kehidupan bagi satu keturunan yang suci.

Ini menunjukkan bahawa Allah SWT sentiasa menyelamatkan dan memuliakan hamba-hamba-Nya yang menjaga integriti moral di tengah-tengah dunia yang sedang runtuh nilai akhlaknya.

Khabar gembira kelahiran Nabi Ishak ini dirakamkan dengan begitu indah dalam surah Hud (11) ayat 71 hingga 73:

وَأَمْرَاتُهُ قَانِمَةٌ فَضَحِكَتْ فَبَشَّرْنَاهَا بِإِسْحَاقَ وَمِنْ وَرَاءِ إِسْحَاقَ يَعْقُوبَ. قَالَتْ يَا وَيْلَتَى أَأَلِدُ وَأَنَا  
عَجُوزٌ وَهَذَا بَعْطِي شَيْخًا إِنَّ هَذَا لَشَيْءٌ عَجِيبٌ. قَالُوا أَتَعْجَبِينَ مِنْ أَمْرِ اللَّهِ رَحِمْتُ اللَّهَ وَبَرَكَاتُهُ  
عَلَيْكُمْ أَهْلَ الْبَيْتِ إِنَّهُ حَمِيدٌ مَجِيدٌ

Maksudnya: “Dan isterinya berdiri (di situ), lalu dia ketawa (kerana gembira). Maka, Kami berikan kepadanya berita gembira dengan (kelahiran) Ishak dan sesudah Ishak (akan lahir pula) Yaaqub. Isterinya berkata, ‘Sungguh ajaib! Adakah aku akan melahirkan anak padahal aku sudah tua dan suamiku ini juga sudah sangat tua? Sesungguhnya ini adalah suatu perkara yang sangat hairan!’ Para malaikat itu berkata, ‘Adakah engkau berasa hairan tentang urusan Allah? (Ketahuilah bahawa) rahmat Allah dan keberkatan-Nya tercurah

*kepada kamu, wahai ahli bait! Sesungguhnya Allah Maha Terpuji, lagi Maha Mulia.”*

Apabila kita berbicara tentang Nabi Ishak, al-Quran sering menyifatkan baginda dengan gelaran “*ghulamin ‘alim*” yang bermaksud seorang anak yang memiliki ilmu yang mendalam. Ini memberikan satu dimensi baru kepada tema kesucian keturunan kita.

Jika Nabi Ismail dikaitkan dengan kekuatan ketaatan dan pengorbanan, Nabi Ishak pula dikaitkan dengan kekuatan ilmu dan kebijaksanaan. Kesucian keturunan bukan sahaja dipelihara melalui darah tetapi diperkukuhkan melalui penguasaan ilmu agama dan hikmah ketuhanan. Nabi Ishak membesar menjadi seorang lelaki yang sangat soleh, lembut budi pekertinya dan menjadi rujukan bagi kaumnya di bumi Palestin. Baginda mewarisi segala sifat mulia bapanya, Ibrahim a.s., terutamanya dalam aspek kepimpinan moral yang tinggi.

Ujian moral bagi Nabi Ishak pula terletak pada tanggungjawab baginda untuk memastikan legasi tauhid Ibrahim a.s. tidak terputus di bumi Syam. Baginda diamanahkan untuk menjaga kesucian nasabnya dengan memastikan zuriatnya tidak terjebak dengan budaya syirik dan maksiat yang berada di sekelilingnya.

Kesucian keturunan Nabi Ishak ini kemudiannya melahirkan Nabi Yaaqub a.s., yang daripada baginda lahirnya 12 orang anak yang menjadi asal-usul kepada dua belas suku Bani Israil. Daripada silsilah ini, lahirnya nabi-nabi agung seperti Yusuf, Musa, Harun, Daud, Sulaiman sehinggalah kepada Nabi Isa a.s.. Ini membuktikan bahawa apabila sebuah keluarga dibina atas dasar ketakwaan dan moral yang suci, keberkatannya akan menjangkau beribu-ribu tahun dan melahirkan generasi-generasi pemimpin yang berkualiti.

Nabi Ishak merupakan tokoh yang menyatukan kembali nilai-nilai ketuhanan di bumi Palestin. Baginda mengamalkan gaya hidup yang sangat menjaga kehormatan diri dan keluarga. Allah SWT memuji kedudukan Nabi Ishak bersama ayahanda dan anaknya dalam surah Sad (38) ayat 45 hingga 47:

وَأَذْكُرْ عِبَادَنَا إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ أُولِي الْأَيْدِي وَالْأَبْصَارِ. إِنَّا أَخْلَصْنَاهُمْ بِخَالِصَةٍ ذِكْرَى الدَّارِ. وَإِنَّهُمْ عِنْدَنَا لَمِنَ الْمُصْطَفَيْنَ الْأَخْيَارِ

Maksudnya: “Dan ingatkanlah peristiwa hamba-hamba Kami: Ibrahim dan Ishak serta Yaaqub, yang mempunyai kekuatan (dalam melaksanakan ibadat) dan pandangan yang mendalam (dalam memahami agama). Sesungguhnya Kami telah menyucikan mereka dengan satu sifat yang bersih suci, iaitu sentiasa mengingati negeri akhirat. Dan sesungguhnya mereka di sisi Kami adalah benar-benar daripada orang-orang pilihan yang sebaik-baiknya.”



Mereka terpilih kerana mereka menjaga kesucian diri. Nabi Ishak mengajar kita bahawa kesucian moral seorang pemimpin keluarga akan menentukan hala tuju generasi akan datang. Baginda menguruskan keluarganya dengan penuh hikmah, memastikan setiap anak cucunya memahami nilai-nilai kebenaran dan yang paling penting, baginda sentiasa mengingatkan mereka tentang negeri akhirat. Kesucian keturunan itu akan kekal selagi mana sesebuah generasi itu meletakkan akhirat sebagai matlamat utama, bukannya kemewahan dunia semata-mata.

## **Penutup**

Sebagai penutup modul ini, marilah kita merenung bahawa Nabi Ishak a.s. adalah bukti hidup bahawa rahmat Allah itu luas dan janji-Nya adalah benar. Melalui baginda, kita belajar bahawa kesucian keturunan memerlukan dua sayap utama, iaitu ilmu yang mendalam dan ketakwaan yang teguh.

Kemuliaan nasab bukanlah satu kelebihan automatik, sebaliknya ia adalah satu tanggungjawab intelektual. Nabi Ishak a.s. mempamerkan bagaimana seorang bapa mencorak zuriatnya untuk menjadi pemimpin yang bukan sahaja soleh, malah tajam pemikirannya dalam mendepani realiti masyarakat. Melalui silsilah baginda, lahirnya ribuan nabi yang menjadi arkitek kepada tamadun Bani Israil—satu bukti sejarah bahawa apabila ilmu dan moral bersatu dalam satu garis keturunan, ia akan melahirkan impak yang menjangkau ribuan tahun.

Kita tidak boleh sekadar berbangga dengan salasilah yang baik tanpa berusaha mengisi jiwa zuriat kita dengan hikmah yang benar. Semoga kita semua mendapat inspirasi daripada sirah Nabi Ishak untuk terus membina keluarga yang berasaskan ilmu dan moral agar zuriat kita juga menjadi zuriat yang terpilih di sisi Allah SWT.

## KESIMPULAN

Sebagai penutup sesi kita hari ini, marilah kita melihat peta besar yang menghubungkan Nabi Lut, Nabi Ismail dan Nabi Ishak. Walaupun mereka berada di tempat yang berbeza, mereka berkongsi satu misi yang sama: Menjaga kualiti keturunan manusia. Jika kita mahu membina keturunan yang suci dan bermaruah, ketiga-tiga nabi ini telah memberikan kita formulanya.

Nabi Lut muncul sebagai benteng fitrah yang mempertahankan sempadan moral manusia. Nabi Ismail pula menjadi tiang ketaatan yang membuktikan bahawa kesucian nasab bermula dengan pengorbanan hati. Manakala Nabi Ishak hadir sebagai cahaya hikmah yang mengajar kita bahawa keturunan yang mulia mesti dibajai dengan ilmu yang mendalam. Tanpa moral, manusia akan runtuh; tanpa ketaatan, manusia akan sesat dan tanpa ilmu, manusia akan buta.

Ujian mereka semua bermula dari dalam rumah sendiri. Sama ada diuji dengan isteri yang tidak sehaluan atau perintah penyembelihan yang mencabar kasih sayang, hatta lambatnya menunggu kelahiran zuriat. Kesimpulannya, kesucian keturunan yang kita impikan sangat berkait rapat dengan sejauh mana kita berani mempertahankan fitrah, taat kepada perintah Tuhan dan mengisi dada zuriat kita dengan hikmah. Semoga kita pulang dengan tekad untuk menjadi penjaga maruah keluarga berdasarkan acuan syariat, sebagaimana teguhnya Lut, Ismail dan Ishak dalam sejarah manusia.

## SESI KEEMPAT

# SABAR MENEMPUH UJIAN YANG PANJANG

### 1. HASIL PEMBELAJARAN:

Kandungan ini membolehkan peserta menghayati dimensi ujian melalui penderitaan fizikal dan kehilangan, memperincikan nilai kesabaran sebagai teras kestabilan jiwa serta merumuskan bagaimana pergantungan mutlak kepada Pencipta berupaya mengangkat darjat kemuliaan insan di sisi-Nya.

### 2. ISI KANDUNGAN UTAMA:

- Kisah Nabi Yaaqub a.s.
- Kisah Nabi Yusuf a.s.
- Kisah Nabi Ayub a.s.

## **SESI KEEMPAT: SABAR MENEMPUH UJIAN YANG PANJANG**

### **PENDAHULUAN**

Kita selalu memahami bahawa kesabaran sebagai kebolehan untuk menahan diri dalam waktu yang segera, namun dalam sesi kali ini kita akan meneroka dimensi sabar yang jauh lebih mencabar, iaitu sebuah maraton ketabahan yang tidak mempunyai tarikh tamat yang jelas. Kita akan berbicara tentang ujian yang memakan masa berbelas-belas malah berpuluh-puluh tahun lamanya melalui ibrah tiga tokoh agung, iaitu Nabi Yaaqub, Nabi Yusuf dan Nabi Ayub.

Kita akan menelusuri bagaimana Nabi Yaaqub mengharungi berpuluh-puluh tahun kerinduan yang sangat pedih sehingga hilang penglihatannya, Nabi Yusuf yang melalui fasa gelap kehidupan bermula dari dasar perigi sehinggalah ke tembok penjara sebelum akhirnya dimuliakan serta Nabi Ayub yang tetap teguh memuji Tuhan walaupun belasan tahun jasadnya hancur dimamah penyakit dan kehilangan segala-galanya.

Melalui episod ini, kita ingin belajar bahawa dalam setiap penantian yang panjang, Allah sebenarnya bukan sekadar menguji ketahanan fizikal kita tetapi sedang membentuk dan membersihkan jiwa kita agar layak menerima pengakhiran yang jauh lebih indah daripada apa yang kita bayangkan.

Semoga sesi ini memberi kekuatan baharu kepada kita semua yang mungkin sedang berada di tengah-tengah ujian yang seolah-olah tiada penghujungnya. Ayuh, kita mulakan Sesi Keempat: Sabar Menempuh Ujian yang Panjang.

## SIRAH NABI YAAQUB A.S.: SABAR MENEMPUH UJIAN YANG PANJANG

Nabi Yaaqub a.s. ialah permata dalam rantai keluarga yang paling mulia. Al-Quran dalam surah Hud (11) ayat 71 merakamkan kegembiraan neneknya, Sarah, apabila malaikat menyampaikan khabar gembira tentang kelahiran Ishak dan selepas Ishak adalah Yaaqub. Kelahiran baginda sendiri merupakan sebuah janji dan rahmat daripada Allah SWT kepada Nabi Ibrahim a.s..

Baginda membesar di bawah asuhan wahyu sebagai anak kepada Nabi Ishak a.s. dan cucu kepada *Khalilullah* Ibrahim a.s.. Allah SWT memuji kedudukan mereka dalam surah Sad (38) ayat 45 dengan menyifatkan mereka sebagai hamba-hamba yang mempunyai kekuatan yang besar dalam ibadah serta penglihatan mata hati yang sangat tajam dalam urusan agama.

وَأَذْكُرْ عَبْدَنَا إِبْرَاهِيمَ وَإِسْحَاقَ وَيَعْقُوبَ أُولَى الْأَيْدِي وَالْأَبْصَارِ

Maksudnya: *Dan (ingatkanlah peristiwa) hamba-hamba Kami: Nabi Ibrahim dan Nabi Ishak serta Nabi Yaaqub, yang mempunyai kekuatan (melaksanakan taat setianya) dan pandangan yang mendalam (memahami agamanya).*

Gelaran yang paling masyhur bagi baginda ialah “Israil”. Dalam bahasa Ibrani kuno, “isra” bermaksud hamba, manakala “el” merujuk kepada Allah. Maka, gelaran “Israil” membawa maksud hamba Allah.

Perjalanan hidup awal baginda dipenuhi dengan kerja keras dan hijrah. Sejarah merakamkan bagaimana baginda pernah berhijrah ke negeri bapa saudaranya di Harran, bekerja selama bertahun-tahun dengan penuh amanah untuk membina institusi kekeluargaan sehingga dikurniakan 12 orang anak lelaki yang kemudiannya menjadi ketua-ketua bagi suku Bani Israil.

Namun, di sebalik kemuliaan nasab dan keluarga yang besar ini, Allah SWT telah menetapkan sebuah ujian yang akan menguji batas kesabaran manusiawi baginda selama berpuluh-puluh tahun.

Ujian besar ini bermula apabila kasih sayang baginda terhadap anak kesayangannya, Yusuf telah mencetuskan api hasad dalam kalangan adik-beradiknya yang lain. Saat jubah Yusuf dibawa pulang dalam keadaan berlumuran darah palsu, Nabi Yaaqub berhadapan dengan pengkhianatan daripada darah daging sendiri.

Namun, perhatikan bagaimana reaksi seorang Nabi. Beliau tidak mengherdik atau bertindak melulu, sebaliknya baginda mengungkapkan kalimah yang menjadi paksi

kepada modul kita hari ini, iaitu “*Sabrun Jamii*”—kesabaran yang indah. Sebagaimana dirakam dalam surah Yusuf (12) ayat 18, baginda berkata:

وَجَاءُوا عَلَى قَمِيصِهِ بِدَمٍ كَذِبٍ ۚ قَالَ بَلْ سَوَّلَتْ لَكُمْ أَنْفُسُكُمْ أَمْرًا ۖ فَصَبْرٌ جَمِيلٌ ۚ وَاللَّهُ الْمُسْتَعَانُ عَلَىٰ مَا تَصِفُونَ

Maksudnya: *Dan (bagi mengesahkan dakwaan itu) mereka pula melumurkan baju Yusuf dengan darah palsu. Bapa mereka berkata, “Tidak! Bahkan nafsu kamu memperelokkan kepada kamu suatu perkara (yang tidak diterima akal). Kalau demikian, bersabarlah aku dengan sebaik-baiknya dan Allah jualah yang dipohonkan pertolongan-Nya, mengenai apa yang kamu katakan itu.”*

Ujian kesabaran Nabi Yaaqub ini bukan berlangsung selama sehari dua tetapi menurut sebahagian ahli tafsir, ia memakan masa sehingga 30 tahun menurut sebahagian riwayat. Dalam tempoh yang sangat panjang itu, baginda tidak pernah berhenti merindui Yusuf, namun kerinduan itu tidak memadamkan imannya.

Tekanan emosi yang ditanggung baginda sangat berat sehinggakan al-Quran menggambarkan dalam surah Yusuf (12) ayat 84 bahawa kedua-dua mata baginda menjadi putih akibat menanggung duka yang dipendam. Ini menunjukkan kepada kita bahawa bersedih dan menangis itu adalah fitrah manusia dan tidak menafikan sifat sabar, asalkan hati tetap redha dengan ketentuan Allah.

Kemuncak kepada ujian ini adalah apabila baginda sekali lagi kehilangan anak keduanya, Bunyamin. Bayangkan seorang ayah yang sudah tua, yang sudah hilang penglihatan, kini diuji lagi dengan kehilangan yang baru di atas luka yang lama. Anak-anaknya yang lain mula mencela baginda dengan mengatakan bahawa baginda akan terus mengingati Yusuf sehingga binasa. Namun, di sinilah Nabi Yaaqub menunjukkan rahsia kekuatan jiwa baginda dalam surah Yusuf (12) ayat 86, dengan berkata:

قَالَ إِنَّمَا أَشْكُوا بَنِي وَحْزَنِي إِلَى اللَّهِ وَأَعْلَمُ مِنَ اللَّهِ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *(Nabi Yaaqub) menjawab: “Sesungguhnya aku hanyalah mengadukan kesusahan dan duka citaku kepada Allah dan aku mengetahui (dengan perantaraan wahyu) daripada Allah, apa yang kamu tidak mengetahuinya.”*

Nabi Yaaqub bertahan dalam ujian hebat ini dengan satu senjata utama, iaitu husnuzon atau sangka baik yang mutlak kepada Allah SWT. Walaupun secara logik manusia, harapan untuk bertemu Yusuf sudah musnah selepas berpuluh-puluh tahun, baginda tetap berpesan kepada anak-anaknya agar terus mencari Yusuf dan jangan sesekali berputus asa daripada rahmat Allah.

Akhirnya, Allah SWT memulangkan semula kegembiraan itu dengan cara yang tidak disangka-sangka. Jubah Yusuf yang dihantar pulang bukan semata-mata kain tetapi ia menjadi asbab Allah mengembalikan penglihatan baginda. Pertemuan semula di Mesir menjadi bukti bahawa sabar yang panjang itu pasti akan berakhir dengan nikmat yang indah.

Legasi kesabaran Nabi Yaaqub tidak berakhir di situ. Sebelum menghembuskan nafas terakhir, baginda mengumpulkan semua anaknya untuk memastikan benih iman yang dijaga melalui kesabaran selama berpuluh-puluh tahun itu terus kekal.

Dalam surah al-Baqarah (2) ayat 133, Allah merakamkan pertanyaan terakhir baginda: “Apa yang kamu akan sembah sesudah aku mati?” Anak-anaknya menjawab bahawa mereka akan tetap menyembah Tuhan yang satu, iaitu Tuhan bapa-bapanya, Ibrahim, Ismail dan Ishak. Ini mengajar kita bahawa kesabaran dalam menempuh ujian yang panjang sebenarnya bertujuan untuk mengekalkan tauhid dan ketaatan dalam keluarga.

## **Penutup**

Kisah Nabi Yaaqub adalah tentang seni bersabar dalam tempoh yang sangat lama. Baginda mengajar kita bahawa sabar yang paling tinggi nilainya adalah apabila kita mampu menanggung beban emosi yang berat tanpa perlu menagih simpati manusia.

Selama berpuluh-puluh tahun menjalani ujian kehilangan, baginda menunjukkan sisi emosi seorang manusia sebagai pelajaran bahawa itu adalah fitrah insan. Yang penting tempat kita mengadu hanyalah Allah SWT. Itulah kunci utama kesabaran yang indah tanpa rungutan yang merosakkan iman. Baginda membuktikan bahawa semakin lama ujian itu berlangsung, seharusnya semakin dekat hubungan kita dengan Pencipta.

Jika hari ini kita diuji dengan masalah keluarga yang berlarutan, janganlah berputus asa. Teruskan mengadu kepada-Nya, jaga lisan daripada menyalahkan takdir dan yakinlah bahawa setiap penantian yang panjang pasti akan berakhir dengan hikmah yang indah daripada Allah SWT.

## SIRAH NABI YUSUF A.S.: SABAR MENEMPUH FITNAH DAN PENGKHIANATAN BERPANJANGAN

Kita memulakan pengisian ini dengan menghayati kisah yang digelar oleh Allah SWT sebagai *Ahsanul Qasas* atau sebaik-baik kisah. Nabi Yusuf a.s. merupakan ikon keteguhan jiwa yang sangat luar biasa dalam sejarah manusia. Baginda adalah Yusuf bin Yaaqub bin Ishak bin Ibrahim a.s..

Sebagai seorang nabi yang lahir daripada keturunan para nabi, baginda membesar dengan nilai ketauhidan yang sangat tinggi. Sejak kecil lagi, tanda-tanda kebesaran Allah sudah kelihatan pada diri baginda melalui mimpi melihat 11 bintang, matahari dan bulan sujud kepadanya. Namun, di sebalik kemuliaan mimpi tersebut, tersimpan sebuah perjalanan ujian yang sangat panjang dan berliku, yang bermula daripada perasaan hasad adik-beradiknya sendiri.

Ujian pertama yang menimpa Nabi Yusuf ialah pengkhianatan daripada darah daging sendiri. Rasa cemburu abang-abangnya terhadap kasih sayang Nabi Yaaqub membawa kepada rancangan jahat untuk melenyapkan Yusuf. Dalam usia yang sangat muda, baginda telah dipisahkan secara paksa daripada ayahnya dan dicampakkan ke dalam perigi buta yang gelap. Allah SWT merakamkan detik ini dalam surah Yusuf (12) ayat 15:

فَلَمَّا ذَهَبُوا بِهِ وَأَجْمَعُوا أَنْ يَجْعَلُوهُ فِي غِيَابَتِ الْجُبِّ ۚ وَأَوْحَيْنَا إِلَيْهِ لَتُنَبِّئَنَّهُمْ بِأَمْرِهِمْ هَذَا وَهُمْ لَا يَشْعُرُونَ

Maksudnya: *Setelah mereka pergi dengan membawanya bersama dan setelah mereka sekata hendak melepaskan dia ke dalam perigi, (mereka pun melakukan yang demikian), dan kami pula ilhamkan kepadanya: "Sesungguhnya engkau (wahai Yusuf, akan terselamat, dan) akan memberitahu mereka tentang hal perbuatan mereka ini, sedang mereka tidak sedar (dan tidak mengingatnya lagi)."*

Inilah permulaan sabar yang panjang bagi Nabi Yusuf. Bayangkan ketakutan seorang kanak-kanak di dalam perigi, kemudian diselamatkan hanya untuk dijual sebagai hamba dengan harga yang sangat murah di pasar Mesir.



Daripada seorang anak nabi yang merdeka dan mulia, baginda menjadi milik seorang pembesar Mesir yang dipanggil Al-Aziz. Di sini, baginda menunjukkan kualiti sabar dalam bentuk amanah dan kerja keras. Baginda tidak meratap nasib sebaliknya memberikan khidmat terbaik sehingga tuannya sendiri mengakui kelebihan yang ada pada diri Yusuf.

Namun, ujian tidak berhenti di situ. Apabila baginda meningkat dewasa dan dikurniakan kesempurnaan fizikal, baginda diuji dengan fitnah yang paling besar bagi seorang lelaki, iaitu godaan daripada isteri tuannya sendiri.

Dalam fasa ini, Nabi Yusuf menunjukkan sekali lagi bahawa sabar itu bukan hanya menahan derita tetapi juga menahan nafsu daripada melakukan maksiat. Walaupun pintu-pintu telah dikunci rapat dan godaan itu datang daripada wanita yang berkuasa, baginda tetap teguh dengan prinsip ketuhanannya.

Baginda memilih untuk dipenjarakan daripada mengkhianati perintah Allah. Jawapan baginda dirakam dalam surah Yusuf (12) ayat 33:

قَالَ رَبِّ السِّجْنُ أَحَبُّ إِلَيَّ مِمَّا يَدْعُونَنِي إِلَيْهِ ۖ وَإِلَّا تَصْرِفْ عَنِّي كَيْدَهُنَّ أَصْبُ إِلَيْهِنَّ وَأَكُن مِّنَ الْجَاهِلِينَ

Maksudnya: Yusuf (merayu ke hadrat Allah Taala dengan) berkata, “Wahai Tuhanku! Aku lebih suka kepada penjara daripada apa yang perempuan-perempuan itu ajak aku kepadanya. Dan jika Engkau tidak menjauhkan daripadaku tipu daya mereka, mungkin aku akan cenderung kepada mereka dan aku menjadi daripada orang-orang yang tidak mengamalkan ilmunya.”

Nabi Yusuf kemudiannya meringkuk di dalam penjara selama bertahun-tahun lamanya tanpa sebarang kesalahan yang sah. Fasa penjara ini ialah ujian masa yang sangat getir. Di dalam kegelapan dan kesempitan itu, baginda tetap menjaga integriti sebagai seorang nabi dengan berdakwah kepada penghuni penjara yang lain.

Baginda mengajar kita bahawa di mana pun kita berada, identiti sebagai hamba Allah tidak boleh luntur. Sabar baginda dalam penjara akhirnya membuahkan hasil apabila Allah memberikan baginda kelebihan untuk mentafsir mimpi Raja Mesir mengenai musim kemarau yang bakal melanda.

Tafsiran yang bijak dan disertakan dengan pelan tindakan ekonomi itu telah menjadi asbab kebebasan baginda dan pengangkatan darjatnya menjadi bendahari negara Mesir.

Kemuncak kepada ujian yang panjang ini adalah saat kemarau melanda dan saudara-saudara yang dahulu mengkhianatinya datang berlutut meminta bantuan makanan. Inilah saatnya kesabaran berubah menjadi kemaafan yang agung.

Walaupun mempunyai kuasa mutlak untuk membalas dendam, Nabi Yusuf memilih untuk memuliakan mereka. Baginda tidak mahu membangkitkan luka lama, malah baginda menyifatkan segala penderitaan itu sebagai rencana indah daripada Allah untuk menyelamatkan keluarga mereka. Kata-kata kemaafan baginda dalam surah Yusuf (12) ayat 92 adalah kemuncak akhlak yang perlu kita contohi:

قَالَ لَا تَثْرِيبَ عَلَيْكُمُ الْيَوْمَ يَغْفِرُ اللَّهُ لَكُمْ وَهُوَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ

Maksudnya: Yusuf berkata, “Kamu pada hari ini tidak akan ditempelak atau disalahkan (tentang perbuatan kamu yang telah terlanjur itu), semoga Allah mengampunkan dosa kamu, dan Dialah jua Yang Maha Mengasihani daripada segala yang lain yang mengasihani.”

Kisah Nabi Yusuf berakhir dengan sebuah penyatuan yang sangat mengharukan bersama ayahandanya, Nabi Yaaqub. Penantian berdekad-dekad itu akhirnya dibayar dengan kemuliaan yang jauh lebih besar daripada apa yang hilang dahulu.

## Penutup

Sebagai pengajaran untuk modul kita, kisah Nabi Yusuf membuktikan bahawa ujian yang panjang sama ada dalam bentuk pengasingan, fitnah atau penjara adalah proses penyediaan diri untuk menerima tanggungjawab yang lebih besar. Integriti yang dijaga sepanjang tempoh ujian akan menentukan kualiti kemenangan di pengakhirannya.

Nabi Yusuf mengajar kita bahawa kunci untuk menempuh ujian yang panjang adalah dengan memandang setiap kejadian sebagai takdir Allah yang mempunyai hikmah. Jangan pernah membenarkan keadaan yang sempit merosakkan akhlak apatah lagi agama kita. Demikian juga jangan pernah membenarkan kuasa yang ada pada kita merosakkan sifat pemaaf dalam diri. Sesungguhnya, Allah sentiasa bersama dengan orang-orang yang berbuat ihsan dan sabar dalam setiap langkah perjuangan mereka.

## SIRAH NABI AYUB A.S. – KETEGUHAN IMAN DALAM KESAKITAN YANG PANJANG

Kita meneruskan pengisian modul ini dengan menghayati kisah seorang nabi yang menjadi rujukan tertinggi dalam bab kesabaran, iaitu Nabi Ayub a.s.. Sebelum kita melihat kepada ujian yang menimpa baginda, penting untuk kita fahami dahulu kedudukan dan susur galur baginda yang mulia.

Nabi Ayub adalah daripada keturunan Nabi Ibrahim a.s., sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Allah SWT di dalam al-Quran melalui surah al-An'am (6) ayat 84 yang menyebutkan:

وَمِنْ ذُرِّيَّتِهِ دَاوُدَ وَسُلَيْمَانَ وَأَيُّوبَ وَيُوسُفَ وَمُوسَى وَهَارُونَ ۖ

Maksudnya: "... dan daripada keturunannya (Ibrahim) ialah Daud, Sulaiman, Ayub, Yusuf, Musa dan Harun...."

Maka, baginda membawa legasi kenabian yang sangat agung dalam sejarah manusia.

Para ulama tafsir, ahli sejarah dan para ilmuwan Islam merakamkan bahawa sebelum datangnya hari-hari ujian, Nabi Ayub ialah seorang lelaki yang dikurniakan Allah dengan nikmat dunia yang sangat melimpah-ruah. Baginda memiliki harta yang sangat banyak dalam pelbagai bentuk merangkumi ribuan haiwan ternakan, hamba sahaya yang ramai, binatang peliharaan serta penguasaan tanah yang sangat luas di bumi Syam.

Tidak cukup dengan harta, Allah juga memuliakan baginda dengan keluarga yang besar dan ramai anak yang menjadi penyejuk hatinya. Kehidupan baginda adalah manifestasi seorang hamba yang dikurniakan segala-galanya. Namun, di sebalik kemewahan itu, Allah SWT ingin menunjukkan kepada kita sebuah hikmah yang besar melalui pertukaran nasib yang drastik.

Allah SWT telah menguji Nabi Ayub dengan ujian yang bertali arus. Bermula dengan kehilangan kesemua hartanya, diikuti dengan ujian yang lebih menghiris hati, iaitu kehilangan kesemua anak dan ahli keluarganya. Kemuncak kepada penderitaan ini adalah apabila tubuh badan baginda sendiri diuji dengan pelbagai jenis penyakit yang sangat berat.

Sesungguhnya, Allah telah menguji Nabi Ayub dengan ujian yang dikatakan tidak pernah menimpa sesiapa pun daripada kalangan makhluk lain. Walaupun dunia melihatnya sebagai satu penderitaan yang tidak tertanggung, Nabi Ayub tetap menunjukkan sifat seorang Nabi yang tulen; baginda tetap bersabar terhadap segala ketentuan Allah dan terus kembali bertaubat serta meletakkan sepenuh pergantungan hanya kepada-Nya.

Penyakit berat yang dialami oleh Nabi Ayub ini berlarutan dalam satu tempoh yang sangat lama. Kesannya bukan sahaja pada fizikal tetapi juga pada aspek sosial. Saban hari, sahabat-sahabat dan orang yang paling rapat dengan baginda mula melupakannya. Dalam keadaan yang sangat terasing dan lemah itu, Nabi Ayub menyeru Tuhannya dengan satu doa yang sangat masyhur di dalam surah al-Anbiya' (21) ayat 83:

...أَنِّي مَسْنِيَ الضُّرِّ وَأَنْتَ أَرْحَمُ الرَّاحِمِينَ

Maksudnya: *“Sesungguhnya aku telah ditimpa penyakit dan Engkau Yang Maha Penyayang daripada segala yang penyayang.”*

Melalui doa ini, baginda mengajar kita bahawa walaupun ujian itu berat, adab kita dengan Tuhan mestilah tetap terjaga dengan memuji sifat kasih sayang-Nya.

Sepanjang tempoh tersebut, Nabi Ayub tetap teguh bersabar dan sentiasa mengharapkan pahala di sisi Allah. Lisan baginda tidak pernah berhenti daripada mengingati Allah pada waktu malam, siang, pagi mahupun petang.

Penyakitnya berlarutan begitu lama sehingga rakan taulan mula menjauhkan diri kerana berasa ngeri melihat keadaan fizikal baginda, malah akhirnya baginda dikeluarkan dari negerinya sendiri. Sebahagian ulama menyebutkan bahawa tempoh ujian ini berlangsung selama 18 tahun. 18 tahun dalam kesakitan, kemiskinan dan kesunyian, namun imannya sedikit pun tidak goyah.

Setelah tempoh ujian itu mencapai garis penamat yang ditetapkan Allah, maka datanglah perintah daripada langit. Allah berfirman kepada baginda sebagaimana yang dirakam dalam surah Sad (38) ayat 42:

أَرْكُضْ بِرِجْلِكَ هَذَا مُغْتَسَلٌ بَارِدٌ وَشَرَابٌ

Maksudnya: *“Hentaklah (bumi) dengan kakimu (setelah ia melakukannya maka terpancarlah air, lalu Kami berfirman kepadanya): ‘Ini ialah air sejuk untuk mandi dan untuk minum (bagi menyembuhkan penyakitmu zahir dan batin).’”*

Nabi Ayub pun menghentakkan kakinya ke tanah, lalu secara mukjizat terpancarlah daripada hentakan itu suatu mata air yang sejuk. Baginda diperintahkan untuk minum dan mandi dengan air tersebut. Sebaik sahaja baginda melakukannya, dengan izin Allah, segala penyakit yang ada pada dirinya hilang serta-merta sama ada penyakit yang tersembunyi di dalam tubuh mahupun yang kelihatan pada zahirnya.

Bukan itu sahaja, Allah kemudiannya mengembalikan semula keluarganya, hartanya serta mengurniakan pelbagai nikmat dan kebaikan yang jauh lebih banyak daripada apa yang hilang dahulu.

## **Penutup**

Kisah agung ini meninggalkan pelajaran yang sangat mendalam buat kita, khususnya sebagaimana yang diulas oleh Syaikh as-Sa'di. Pelajaran pertama ialah kita harus sedar bahawa Allah Taala kadangkala menguji hamba yang paling dicintai-Nya bukan untuk menghina tetapi untuk menambahkan ketinggian darjat dan kemuliaannya di akhirat kelak.

Kita juga belajar bahawa syaitan boleh diberi kekuasaan untuk mengganggu dan mendatangkan kesusahan kepada para nabi melalui bisikan atau penderitaan zahir, namun syaitan tidak akan pernah mampu merampas iman mereka.

Selain itu, kisah ini mengangkat tingginya kedudukan sifat sabar dan syukur. Nabi Ayub adalah contoh terbaik bagi sabar ketika ditimpa kesusahan dan contoh terbaik bagi syukur apabila kembali mendapat nikmat.

Akhir sekali, kita diingatkan tentang kelebihan berdoa. Doa merupakan pintu dan jalan utama bagi diperkenankan segala permohonan. Sebagaimana kata ulama, sesiapa yang diberi ilham oleh Allah untuk terus berdoa di tengah-tengah ujian, maka sebenarnya dia juga sedang diberi isyarat bahawa jawapan dan bantuan daripada Allah sudah sangat dekat. Semoga kesabaran Nabi Ayub ini menjadi inspirasi bagi kita untuk terus bertahan dalam apa jua ujian yang melanda.

## KESIMPULAN

Kisah Nabi Yaaqub, Yusuf dan Ayub menjadi manual terbaik buat kita yang sedang diuji. Walaupun bentuk ujian mereka berbeza, mereka berkongsi beberapa persamaan besar yang boleh kita contohi.

Ujian mereka semuanya berlangsung dalam tempoh masa yang panjang. Nabi Yaaqub menanggung rindu kehilangan bertahun-tahun lamanya, Nabi Yusuf dianiaya dan terpisah daripada keluarga sejak dari kecil dan Nabi Ayub menanggung sakit kronik hampir dua dekad. Ini mengajar kita bahawa kesabaran yang paling tinggi adalah ketabahan meniti waktu yang lama tanpa pernah berputus asa daripada rahmat Tuhan.

Di saat berada pada titik terendah hidup, mereka tidak pernah menyalahkan takdir. Nabi Yaaqub berkata, "*Sabar itu indah*". Nabi Ayub pula sabar menahan sakit kerana merasakan nikmat sihat yang diterimanya dahulu jauh lebih lama berbanding sakitnya. Mereka mengajar kita tentang bagaimana kita sentiasa ingat kepada Allah di tengah-tengah masalah tersebut.

Setiap kesabaran mereka berakhir dengan nikmat yang luar biasa. Allah tidak hanya mengembalikan apa yang hilang tetapi Allah bahkan menggandakannya. Nabi Yaaqub dapat melihat semula, Nabi Yusuf menjadi penguasa Mesir dan Nabi Ayub mendapat semula kesihatan serta harta yang lebih melimpah-ruah. Sabar itu sesuatu yang pahit untuk dilalui tetapi penghujungnya takkan mengecewakan.

## RUJUKAN

Al-Bidayah wa al-Nihayah, Ibn Kathir  
Al-Qasas al-Qurani, Syaikh Salah Abdul Fattah al-Khalidi  
Mustadrak al-Hakim  
Qasas al-Anbiya', Ibn Kathir  
Qasas al-Quran, Syaikh Abdurrahman As-Sa'di  
Sahih al-Bukhari  
Sahih Ibn Hibban  
Sahih Muslim  
Sunan al-Tirmizi  
Tafsir Ibn Kathir  
Tarikh al-Tabari